

JAWAPAN

MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Aktiviti 1: Permainan (Games)

Cadangan Jawapan

Warisan Berharga

1. Nama: Tengkolok
2. Nama lain: Destar, setanjak atau tanjak, bulang hulu, setangan kepala

3. Fungsi: Alas kepala tradisional Melayu yang dipakai oleh golongan lelaki
4. Pembuatan: Diperbuat daripada kain songket panjang yang dilipat-lipat dan diikat dengan gaya yang tertentu
5. Pemakaian: Dipakai semasa menghadiri majlis-majlis yang penuh dengan adat istiadat, misalnya oleh kerabat diraja dan para hadirin dalam majlis istiadat diraja, dan oleh pengantin lelaki ketika majlis perkahwinan

Aktiviti 2: Pengurusan Grafik (Graphic Organiser)

Cadangan Jawapan

5 Alat Ciptaan Sains yang Terpenting

Alat 1: Telefon pintar
Kegunaan: Mempunyai pelbagai fungsi yang memudahkan kehidupan manusia terutamanya untuk berkomunikasi.

Alat 3: Lampu elektrik
Kegunaan: Menerangi kawasan yang gelap terutamanya pada waktu malam.

Alat 5: Komputer
Kegunaan: Memudahkan manusia khususnya murid-murid untuk melakukan pelbagai urusan seperti mencari maklumat dan menyiapkan tugas sekolah.

Alat 2: Kereta
Kegunaan: Dapat membawa manusia bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan cepat dan selamatnya.

Alat 4: Televisyen
Kegunaan: Menyalurkan pelbagai maklumat yang berguna dan mengagihkan hiburan yang menyeronokkan kepada para penonton.

Alat ini dipilih kerana mempunyai kepentingan yang amat besar dalam kehidupan manusia. Tanpa alat-alat ini, manusia pasti akan menghadapi pelbagai kesukaran dalam kehidupan kerana alat-alat tersebut amat diperlukan dalam urusan harian manusia.

Sebab Alat-alat Ini Dipilih

Aktiviti 3: SWOT

Cadangan Jawapan

Contoh Perniagaan: Kedai Barang Permainan Kanak-kanak

Kekuatan

1. Perniagaan ini mempunyai potensi kerana kanak-kanak amat meminati barang permainan.
2. Terdapat pelbagai barang permainan yang menarik kanak-kanak terutamanya yang berkaitan dengan rancangan kartun kesukaan mereka.
3. Perniagaan ini tidak memerlukan modal yang terlalu besar.

Kelemahan

1. Pasaran perniagaan ini tidak besar kerana terhad kepada golongan kanak-kanak.
2. Perniagaan ini melibatkan modal yang besar jika melibatkan jenis permainan yang diimport dari luar negara.

SWOT


1. Bilangan kedai yang menjual barang perniagaan masih kurang.
2. Terdapat banyak ruang kedai yang boleh disewa dengan harga yang murah.
3. Bilangan kanak-kanak bertambah dari semasa ke semasa.
- #### Peluang

1. Segelintir ibu bapa mungkin tidak mahu membeli barang permainan kanak-kanak kerana menganggap bahawa perbuatan itu sebagai suatu pembaziran.
2. Persaingan dengan kedai permainan yang besar kerana harga barang mereka lebih murah.
- #### Ancaman/Risiko

Aktiviti 4: Peta: i-THINK


Cadangan Jawapan

Langkah-langkah Keselamatan jika Berlaku Kebakaran di Sekolah



Aktiviti 5: Tikar Permuafakatan (*Placemat Consensus*)

Cadangan Jawapan



Aktiviti 6: All-Write-Round-Robin

Cadangan Jawapan

Ciri-ciri Guru yang Kamu Inginkan	
Idea	Setuju
Murid 1 Baik hati	////
Murid 2 Prihatin	////
Murid 3 Cantik	////
Murid 4 Suka tersenyum	//
Murid 5 Pandai	/
Murid 6 Suka menolong	
Murid 7 Penyayang	
Murid 8 Prihatin	

*sambung sehingga guru memberhentikan permainan ini.

* Setiap murid diberikan kad masing-masing. Cari kawan dan baca kad kamu. Selepas itu, kawan membaca kadnya pula. Ingat perkara yang didengar. Cari kawan lain dan baca kad kamu supaya dia mendengarnya. Ulang sehingga semua kad itu dibaca dan diingat. Setelah selesai, guru boleh bertanya tentang perkara yang dibaca dan didengar oleh murid.

Aktiviti 8: Bulatan Suara (*Circle of Voices*)

Cadangan Jawapan

Manfaat Internet atau Media Sosial

1. Memudahkan kita mendapatkan maklumat dan berita dengan pantasnya
2. Menjadi medium komunikasi yang mudah, pantas, dan berkesan
3. Memberikan kemudahan hiburan
4. Memberikan peluang untuk belajar secara dalam talian
5. Mengeratkan hubungan kekeluargaan bagi anggota keluarga yang terpisah jauh
6. Menyediakan peluang perniagaan secara dalam talian

Aktiviti 7: Quiz-Quiz-Trade

Cadangan Jawapan

Contoh Kad:

Kad 1: Saya makan sekeping roti. Keping ialah penjodoh bilangan bagi roti.

Kad 2: Saya suka minum. Saya ialah kata ganti nama diri pertama.

Kad 3: Adik memakai cermin mata. Cermin mata ialah kata majmuk.

Kad 4: Azlan ialah ketua murid. Ialah kata pemeri.

Kad 5: Bunga itu cantik. Cantik ialah kata adjektif.

Kad 6: Kuala Lumpur sangat bersih. Kuala Lumpur ialah kata nama khas.

UNIT 1: Bakat Istimewa

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

B. Membaca

1. Suasana di dalam dewan hotel sunyi seketika kerana orang ramai sedang menunggu keputusan Pertandingan Masakan Cef Cilik diumumkan.
2. Juri memuji hidangan yang disediakan oleh Mira dan menyifatkan hidangan Mira setanding dengan hidangan cef dewasa.
3. Sekiranya saya berbakat dalam sesuatu bidang, saya tidak akan mensia-siakan bakat itu dan akan menggunakan untuk kebaikan hidup saya pada masa akan datang.

Aktiviti PAK-21: Kafe (Cafe)

Cadangan Jawapan

Murid bercerita tentang bakatnya.

Contohnya: Bakat dalam bidang penulisan

- Suka menulis cerita pendek
- Mendapat idea daripada pembacaan dan kisah kehidupan masyarakat
- Pernah menghantar hasil karya kepada penerbit majalah kanak-kanak
- Sangat gembira kerana hasil karya disiarkan
- Berazam untuk mengasah bakat dan mendalami bidang penulisan

C. Menulis

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan atas kemenangan ini. Sebenarnya, saya sungguh tidak mengangka bahawa saya akan bergelar juara kerana peserta lain hebat-hebat belaka. Ribuan terima kasih saya ucapan kepada ibu bapa saya yang telah banyak memberikan dorongan dan tunjuk ajar kepada saya. Tanpa usaha mereka, kejayaan ini tidak mungkin dapat saya capai. Akhir kata, terimahal serangkap pantun sebagai penutup bicara:

Hinggap tempua di pokok sena,
Hinggap pekaka di pohon durian;
Kasih keluarga amat bermakna,
Membantu kita mencapai kejayaan.

Sekian, terima kasih.

UNIT 2: Satu Keluarga Dua Budaya

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- Baiklah, akan saya berikan kad undangan ini kepada mereka.
- Usah bimbang, Dharma. Kami sekeluarga akan datang.

Aktiviti PAK-21: Kerusi Panas (Hot Seat)

Cadangan Jawapan

1. Apakah keistimewaan keluarga kamu?

Keluarga saya dapat berkomunikasi dalam pelbagai bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan bahasa Perancis.

2. Bagaimanakah keluarga kamu boleh berbahasa Perancis?

Kami sekeluarga pernah di tinggal di Paris, Perancis selama dua tahun.

3. Mengapakah kamu tinggal di Perancis?

Saya tinggal di Perancis kerana mengikut ayah saya yang bertugas di sebuah syarikat di sana.

4. Bagaimanakah kamu belajar bahasa tersebut?

Saya belajar untuk menguasai bahasa tersebut daripada rakan dan jiran saya di sana. Saya dapat menguasai bahasa tersebut apabila sering menggunakan bahasa itu dalam pergaularan sehari-hari.

B. Menulis

12 Januari 2019

Buat pertama kali ini aku berkenalan dengan Dharma. Dia dan keluarganya menjadi jiran baharuku. Dharma sangat peramah dan mesra orangnya.

13 Januari 2019

Keluargaku menziarahi keluarga Dharma. Kami berkenalan dengan lebih eratnya. Keluarga Dharma sungguh istimewa. Ibu bapa Dharma berlainan bangsa.

Dengarlah ini suatu cerita.

*Kisah tentang keluarga istimewa,
Jiran baharuku namanya Dharma,
Satu keluarga dua budaya.
Ayah Dharma berbangsa India,
Ibuanya pula berbangsa Cina.
Walaupun berbeza budaya bangsa,
Keluarga Dharma bahagia sentiasa.*

UNIT 3: Jauh di Mata Dekat di Hati

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Menulis

1. menuntut ilmu di luar negara
2. ijazah sarjana perubatan
3. Australia
4. jauh di mata, dekat di hati
5. kemudahan teknologi
6. komunikasi
7. alam siber
8. kemudahan Internet
9. aplikasi media sosial
10. tanah air

Aktiviti PAK-21: Penulisan Pantas (Rocket Writing)

Cadangan Jawapan

1. Ibu bapa perlu mendidik dan menyemaikan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak sejak mereka masih kecil.
2. Setiap anggota keluarga perlu sentiasa bertolak ansur dan bertimbang rasa.
3. Ibu bapa perlu meluangkan masa yang berkualiti dengan anak-anak.
4. Anak-anak perlu patuh akan nasihat ibu bapa.

B. Tatabahasa

1. Australia
2. MH728
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
4. Nike
5. Adidas
6. Superkid
7. Pak Cik Guan
8. Mak Cik Yong
9. Universiti Melbourne
10. Samsung

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

1. Kita perlulah mempunyai sikap saling membantu sesama anggota keluarga untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan.

2. Kita perlulah memanfaatkan masa bersama-sama anggota keluarga dengan sebaik-baiknya.
3. Kita perlulah menyayangi setiap anggota keluarga kita dan menghargai kasih sayang mereka.
4. Kita mestilah menghormati ibu bapa dan anggota keluarga kita.

AKTIVITI PAK-21: Sumbangsaran (*Brainstorming*)

Cadangan Jawapan

Kebaikan

- Kita dapat belajar di universiti yang terkemuka.
- Kita dapat menimba ilmu daripada pensyarah yang hebat.
- Kita memperoleh pengalaman yang berguna di negara asing.
- Kita dapat mempelajari budaya yang positif daripada masyarakat asing.
- Kita dapat memperkenalkan negara kita kepada masyarakat asing.

Keburukan:

- Kita memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi.
- Kita akan menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan suasana asing.
- Kita mungkin akan terpengaruh oleh budaya asing yang tidak sihat.
- Kita mungkin akan mengalami masalah kesihatan kerana cuaca di luar negara tidak sama dengan cuaca di negara kita.
- Kita terpaksa tinggal berjauhan dengan keluarga dan rakan-rakan.

MODUL PP PRAKTIS UPSR I

A. Sistem Bahasa

Praktis 1

1. C
2. A
3. B
4. D
5. D
6. C

Praktis 2

1. A
2. B
3. C
4. D

Praktis 3

(i)	Abang membeli majalah _____ kerana dia sangat meminati sukan lumba kereta.	X	Bagan Datuk
(ii)	Rumah Pak Cik Zubir yang terletak di _____, Perak terbakar semalam.	X	Litar Lumba
(iii)	Sara memberikan nama _____ kepada anak kucingnya yang baru lahir.	X	Cef Zamira
(iv)	Ibu mempelajari cara-cara membuat kek durian daripada _____.	X	Kiki

B. Pemahaman

1. B
2. D
3. A
4. D
5. C

C. Penulisan

1. Ayah dan abang bermain catur di ruang tamu sambil berbual-bual.
2. Ibu menggubah sejambak bunga untuk dijadikan hiasan rumah.
3. Adik melukis gambar keluarga pada sekeping kertas lukisan.
4. Kakak bernyanyi sambil memainkan piano di sudut ruang tamu.
5. Datuk menulis kaligrafi Jawi dengan menggunakan dakwat hitam.

Ayat Ekstra

1. Neneh duduk di kerusi rotan sambil menjahit pakaian dengan menggunakan jarum dan benang.
2. Kucing peliharaan kami, Si Tompok bermain bola di bawah meja di ruang tamu.

AKTIVITI PAK-21: Fikir – Pasangan – Kongsi (*Think – Pair – Share*)

Cadangan Jawapan

1. Kita belajar dengan sungguh-sungguh dan mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.
2. Kita membantu ibu bapa melakukan kerja rumah seperti mengemas dan membersihkan kawasan rumah.
3. Kita sentiasa menjaga tingkah laku dan menghormati mereka.
4. Kita sentiasa mematuhi ajaran agama.
5. Kita menghargai mereka dengan meraikan hari ulang tahun kelahiran mereka.

UNIT 4: Minda, Oh, Minda!

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

Kita perlu menjaga emosi dengan baiknya kerana emosi kita akan mempengaruhi tindakan kita. Kita perlu bijak mengawal emosi apabila kita dimarahi seseorang agar kita dapat bertindak dengan rasional. Selain itu, kita hendaklah mengawal emosi semasa menduduki peperiksaan supaya kita dapat menjawab soalan dengan lebih fokus. Akhir sekali, kita haruslah mengelakkan diri daripada berkunjung ke tempat yang kurang kondusif agar kita dapat berfikir dengan selesanya.

AKTIVITI PAK-21: Kerusi Panas (*Hot Seat*)

Cadangan Jawapan

1. Mendapatkan tidur dan rehat yang mencukupi.
2. Beriadah atau bercuti ke destinasi pelancongan.
3. Menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan bijaknya.
4. Berkawan dengan kawan-kawan yang sentiasa berfikiran positif.
5. Bersenam dan menjaga pemakanan.

B. Seni Bahasa

Peribahasa	Maksud
1. pantas seperti lipas kudung	pergerakan yang cepat
2. air tangan	hasil kerja yang dilakukan seseorang
3. gagah seperti Badang	bertenaga dan kuat
4. seperti menatang minyak yang penuh	sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurnanya
5. bijak seperti pendeta	pandai

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan:

Punca stres:

- Menghadapi masalah kewangan
- Tekanan dan bebanan kerja di tempat kerja
- Harapan yang terlalu tinggi dalam pencapaian akademik
- Menghadapi masalah pergaulan dengan kawan-kawan
- Perasaan risau yang keterlaluan

Cara mengatasi:

- Berkongsi masalah yang dihadapi dengan orang yang dipercayai
- Mengamalkan gaya hidup yang sihat
- Mendekatkan diri dengan Tuhan untuk mendapatkan ketenangan
- Sentiasa berfikiran positif walaupun ketika berhadapan dengan kegagalan

C. Tatabahasa

- Aku mesti berlatih dengan tekunnya untuk menambat hati jurulatih. Aku mesti ke sana sekarang.
- Kamu hendak ke mana?
- Saya hendak ke situ.
- Mari kita ke sana.
- Baiklah. Saya juga ingin berjumpa dengan mereka.
- Cikgu Amin jurulatih baharu pasukan badminton. Beliau dari BAM.
- Di sebelahnya Alex Tan. Dia mewakili sekolah kawan saya. Di sini Alex Tan berlatih rupa-rupanya.

UNIT 5: Usahlah Stres

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Kamal: Amran, Andrey, bagaimakah kamu mengelakkan diri daripada stres pada waktu petang?

Amran: Saya mengelakkan diri daripada stres pada waktu petang dengan bermain bola bersama-sama kawan di padang. Saya dapat merehatkan minda apabila bermain bola dengan kawan-kawan saya.

Andrey: Saya pula akan membaca buku cerita yang lucu. Membaca buku cerita yang lucu seperti komik akan menggembirakan saya. Apabila saya gembira, saya tidak stres.

Kamal: Amran, pada pendapat kamu, adakah mendengar muzik dapat mengatasi stres?

Amran: Pada pendapat saya, mendengar muzik dapat mengatasi stres. Oleh sebab itu, saya akan mendengar muzik kerana saya akan terhibur, dan seterusnya fikiran saya akan tenang.

AKTIVITI PAK-21: Fikir – Pasangan – Kongsi (Think – Pair – Share)

Cadangan Jawapan

1. Emosi atau perasaan sukar dikawal
2. Prestasi pelajaran terjejas
3. Mudah hilang tumpuan terhadap pelajaran
4. Kesihatan terjejas

B. Membaca

Tanda-tanda: Tanda-tanda kita dalam keadaan stres seperti tidur kita terganggu, kesihatan fizikal kita terganggu, dan kita suka memindahkan masalah kepada orang-orang di sekeliling kita.

Kesan: Kesannya, kita akan berasa bimbang, murung, dan putus asa serta mudah mendapat penyakit seperti sakit kepala, cirit-birit, dan sakit otot, di samping mudah marah.

UNIT 6: Terima Kasih, Cikgu

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

- Jika saya sebagai Azalia, saya akan mengambil bahagian dalam kedua-dua pertandingan tersebut. Saya akan mengagihkan masa untuk berlatih bagi kedua-dua pertandingan tersebut serta berlatih dengan tekunnya.
- Jika saya sebagai Azalia, saya akan memilih satu pertandingan sahaja untuk menumpukan perhatian dengan sepenuhnya agar saya lebih berpeluang untuk mendapatkan kemenangan dalam pertandingan yang saya sertai.

AKTIVITI PAK-21: Meja Bulat (Round Table)

Cadangan Jawapan

1. Bersenam untuk mengeluarkan peluh.
2. Menjaga pemakanan dengan mengambil makanan yang seimbang.
3. Tidur dan rehat dengan mencukupi.
4. Mengamalkan pergaulan yang sihat.
5. Mewujudkan hubungan yang harmoni dalam institusi kekeluargaan.

B. Tatabahasa

Johari dan keluarganya ke sungai yang dijadikan kawasan rekreasi untuk menenangkan minda. Ayah Johari telah memberikan tugas kepada anggota keluarganya. Ayah Johari mengingatkan mereka agar melaksanakan tugas yang diberikan dengan baiknya. Antaranya, setelah sampai di tepi sungai, Johari mesti membantunya mendirikan khemah di kawasan yang redup. Kakak Johari pula akan menjaga adik-adik. Selesai mendirikan khemah, Johari menghampiri ibunya yang sedang menghidangkan makanan dan minuman di atas tikar.

Seterusnya, mereka sekeluarga telah berendam di dalam air sungai yang sejuk dan jernih. Mereka juga dapat melihat ikan berenang-reng dalam air.

Johari mengambil telefon pintarnya di dalam begnya kerana dia mahu merakamkan gambarnya sekeluarga di kawasan rekreasi itu sebelum mereka pulang untuk dijadikan kenangan.

MODUL PP PRAKTIS UPSR 2

A. Sistem Bahasa

Praktis 1

1. A
2. D
3. B
4. D
5. B
6. C

Praktis 2

1. A
2. A
3. D
4. D
5. B
6. D

Praktis 3

- (i) mereka
- (ii) beliau
- (iii) kamu
- (iv) saya

B. Perbahaman

- (a) Cita-cita Amira ialah dia mahu menjadi pemain badminton yang berjaya.
- (b)
- | | |
|---|-------------------------------------|
| Amira menjadi murid contoh di sekolahnya kerana kecemerlangannya dalam pelajaran dan kokurikulum. | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Amira berasa gembira kerana telah berjaya dalam pelajaran seperti abangnya. | <input type="checkbox"/> |
- (c) Pada pendapat saya, alasan yang menunjukkan bahawa kerjaya sebagai pemain badminton dapat menjamin masa hadapan ialah ganjaran berupa wang tunai sebagai hadiah yang diterima oleh pemain dalam sesuatu pertandingan adalah amat lumayan.

C. Penulisan

Graf tersebut menunjukkan pencapaian Bahasa Melayu dalam ujian bulanan bagi murid Tahun 6 Mawar Sekolah Kebangsaan Petanak, Mukah.


Pihak sekolah telah mengadakan pertemuan dengan ibu bapa pada bulan Februari. Mereka berbincang tentang prestasi anak mereka yang hanya mencapai kejayaan 75% bilangan A. Selepas pertemuan tersebut, bilangan murid mendapat A telah meningkat kepada 80% pada bulan Mac kerana ibu bapa telah memberikan tumpuan terhadap pelajaran anak di rumah. Di samping itu, pihak sekolah mengadakan program anak angkat bermula pada bulan Mac. Pada bulan Jun, bilangan murid yang mendapat A meningkat kepada 98% kerana pihak sekolah telah mengadakan program ceramah motivasi kepada ibu bapa dan murid pada bulan April.

Kesimpulannya, dengan kerjasama daripada semua pihak, pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu telah meningkat dengan baiknya.

UNIT 7: Program Sarana

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca



AKTIVITI PAK-21: Catat dan Kongsi (Chart and Share)

Cadangan Jawapan

Keselamatan di Jalan Raya

1. Sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.
2. Menggunakan jeantas ketika hendak melintas jalan raya yang sibuk.
3. Penunggang dan pemborceng motosikal perlu memakai topi keledar.
4. Pemandu kereta perlu memakai tali pinggang keledar.

Keselamatan di Taman Permainan

1. Sentiasa berhati-hati ketika bermain.
2. Memakai pakaian dan kasut yang sesuai.
3. Tidak mudah mempercayai orang yang tidak dipercayai.
4. Tidak bermain dengan peralatan yang rosak.

B. Seni Bahasa

AKTIVITI PAK-21: Drama (Dramatisation)

Cadangan Jawapan:

Tajuk Drama: Ikatlah Resmi Padi, Makin Berisi Makin Tunduk
Cengal: Nama aku, Cengal. Aku kayu yang berharga.
Di rimba ini, akulah penghuni paling istimewa.

Merak: Wahai, Cengal! Usahlah kamu berlagak.
Lihat diriku, Si Burung Merak. Buluku cantik dan berwarna-warni. Sesiapa sahaja yang melihat aku akan terpaut hati.

Bunga Pakma: Amboi, sompong sungguh kamu berdua!
Kamu berdua jangan lupa. Namaku, Rafflesia atau Bunga Pakma. Aku bunga paling besar di dunia.

Orang Utan: Janganlah kita berlagak sompong. Kita semua ciptaan Tuhan. Masing-masing ada keistimewaan tersendiri. Ikatlah resmi padi, makin berisi makin tunduk.

Cengal: Benar, Orang Utan. Terima kasih kerana kamu menyedarkan kami. Sebagai penghuni rimba ini, kita patut bekerjasama dan tidak mementingkan diri.

Merak: Ya, Cengal. Kita patut bersyukur dengan nikmat yang kita peroleh ini. Maafkan aku atas sikap sompong aku tadi.

Orang Utan: Baguslah. Kawan-kawan semua sudah sedar. Marilah kita bersatu hati menjaga ketenteraman di rimba ini.

UNIT 8: Kelab Alumni

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Encik Vishan: Bolehkah saya turut serta, Arof? Sebagai petugas paramedik, saya juga boleh memberikan latihan pertolongan cemas. Sebagai contoh, saya boleh mengajar mereka cara menganduh tangan dan memberikan bantuan pernafasan CPR.

AKTIVITI PAK-21: Main Peranan (Role Play)

Cadangan Jawapan:

Encik Aidil: Saya sudah menghubungi Cikgu Maurof sebentar tadi. Saya memberitahunya bahawa saya ingin menjadi jurulatih bola sepak secara sukarela.

Encik Koh: Adakah beliau bersetuju?

Encik Aidil: Beliau mengalu-alukan hasrat saya itu. Beliau meminta saya melatih pasukan bola sepak sekolah pada setiap petang Rabu.

Encik Koh: Wah, baguslah! Kamu boleh memanfaatkan kemahiran dan pengalaman kamu sebagai bekas pemain bola negeri.

Encik Aidil: Benar, Koh. Memang itulah niat saya. Saya mahu berkongsi pengalaman dengan pemain-pemain dan mengajar mereka teknik permainan bola sepak yang betul.


Encik Koh: Bolehkah saya menyumbang sesuatu kepada murid-murid?

Encik Aidil: Sudah tentu boleh. Sebagai peguam, kamu boleh membimbing anggota Kelab Debat sekolah untuk berhujah dengan lebih baiknya.

Encik Koh: Bagus juga idea itu. Terima kasih, Aidil.

Encik Aidil: Sama-sama, Koh.


B. Menulis



UNIT 9: Perkongsian Pintar

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Membaca



B. Menulis

Pada 8 Mac 2019, Unit Kantin Sekolah Kebangsaan Kampung Ara telah mengadakan Pesta Makanaan. Tujuan pesta itu diadakan adalah untuk memperkenalkan makanan warisan pelbagai kaum di negara kita. Selain itu, pesta itu juga bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan kaum. Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang pesta itu berlangsung. Antaranya termasuklah Pertandingan Cef Hebat. Dalam pertandingan itu, para peserta perlu menyediakan makanan tradisional pelbagai kaum seperti nasi lemak, laksa, capati, dan roti canai. Suasana pesta sungguh meriah dengan kehadiran tetamu yang terdiri daripada warga sekolah dan masyarakat setempat. Pesta itu juga mendapat kerjasama daripada pihak luar seperti Restoran Warisan dan Hotel Seri Mahligai.

C. Tatabahasa

1. dan
2. supaya
3. yang
4. setelah

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan:

1. Ibu bapa dapat memberikan sumbangan dalam bentuk wang ringgit. Contohnya, ibu bapa boleh menghulurkan bantuan kepada tabung kebajikan sekolah.
2. Ibu bapa dapat memberikan sumbangan dari segi tenaga kerja. Contohnya, ibu bapa boleh terlibat dalam aktiviti gotong-royong menceriakan sekolah.
3. Ibu bapa dapat memberikan sumbangan dengan mengemukakan idea yang berasas kepada pihak sekolah. Contohnya, ibu bapa boleh memberikan cadangan bagi meningkatkan pencapaian murid-murid dalam bidang akademik dan sukan.

MODUL PP PRAKТИS UPSR 3

A. Sistem Bahasa

Praktis 1

1. B
2. A
3. B
4. D
5. D
6. C

Praktis 2

- | | |
|--------------|---|
| (i) pudar | ✓ |
| (ii) goyah | ✓ |
| (iii) hangat | ✓ |

Praktis 3

(i)	Semua murid tahun enam menyertai program motivasi itu tetapi Azman.	x
(ii)	Mereka meneruskan kerja-kerja membaiki jambatan itu sehingga selesai.	✓
(iii)	Aminah terharu apabila diraikan oleh rakan-rakannya dalam majlis itu.	✓
(iv)	Sejak itu, hubungan baik mereka tidak terjejas walaupun bertambah erat.	x
(v)	Program amal itu akan dijalankan jika mendapat persetujuan daripada semua pihak.	✓

B. Permaianan

1. A
2. B
3. D
4. C
5. D

C. Penulisan

1. Hari Keusahawanan
2. 16 Mac 2019
3. memupuk semangat keusahawanan
4. bertuah
5. tapak perhimpunan
6. padang
7. Sambutan
8. menggalakkan
9. murid
10. membuka
11. makanan
12. kampung
13. kerajaan
14. memeriahkan
15. bomba
16. Jabatan Kesihatan
17. dirasmikan
18. inisiatif
19. menarik
20. usahawan

UNIT 10: Selamat dalam Perjalanan

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- Penunggang motosikal perlu memakai pakaian yang cerah semasa menunggang motosikal terutamanya pada waktu malam agar mudah dilihat oleh pengguna jalan raya yang lain.
- Brek motosikal dan kereta perlu dipastikan berfungsi dengan baiknya supaya kita dapat memperlahangkan, memberhentikan, dan mengawal kenderaan dengan baiknya.
- Elakkan daripada menunggang motosikal atau memandu kereta ketika mengantuk agar kita tidak hilang tumpuan serta sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi pelbagai kemungkinan di jalan raya.
- Sebagai rumusannya, kita hendaklah mengambil langkah keselamatan yang betul sebelum dan semasa menunggang motosikal dan memandu kereta agar kita sentiasa selamat ketika berada di jalan raya.

AKTIVITI PAK-21: Kerusi Panas (Hot Seat)

Cadangan Jawapan

1. Sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.
2. Menggunakan jejantas ketika hendak melintas jalan raya yang sibuk.
3. Penunggang dan pembonceng motosikal perlu memakai topi keledar.
4. Pemandu kereta perlu memakai tali pinggang keledar.

B. Membaca

Memancing ikan di tepi muara,
Sambil bersempang di atas rakit;

Hatiku girang rasa gembira,
Dapat pengalaman mendaki bukit.
Memancing ikan menggunakan joran,
Sambil berbual dengan Pak Mat;
Iikut nasihat, patuh peraturan,
Mendaki bukit dengan selamat.

AKTIVITI PAK-21: Temu Janji Pantas (Speed Dating)

Cadangan Jawapan

1. Membuat latihan ketahanan fizikal dan mental sebelum memulakan pendakian
2. Menggunakan khidmat jurupandu sebagai penunjuk arah
3. Mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di kawasan pendakian
4. Melaporkan aktiviti pendakian kepada pihak berkenaan
5. Membawa kelengkapan dan peralatan yang lengkap

UNIT 11: Pastikan Selamat

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca



B. Menulis

Sabtu, 12 Januari 2019

- 8:00 pagi: Saya dan keluarga tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Kami menurunkan beg daripada teksi. Kemudian, kami melintas jalan di tempat khas untuk melintas.
- 9:00 pagi: Saya dan keluarga melalui tempat pengimbas keselamatan. Saya dan ayah menanggalkan tali pinggang dan jam tangan yang kami pakai. Kami meletakkan barang itu di dalam bekas yang disediakan. Barang itu melalui mesin pengimbas.
- 9:05 pagi: Saya dan keluarga serta penumpang lain beratur untuk melalui pemeriksaan keselamatan. Kami perlu melalui mesin pengimbas keselamatan. Mesin pengimbas keselamatan itu tidak berbungi ketika kami melaluiinya.
- 10:00 pagi: Kami sekeluarga berada di dalam kapal terbang. Ketua pramugara menerangkan tindakan-tindakan yang perlu diambil jika berlaku kecemasan. Kami diminta menegakkan kerusi. Semua penumpang dikehendaki mematikan telefon bimbit serta memakai tali pinggang keselamatan sebelum kapal terbang itu berlepas.

2:45 petang: Setelah hampir tiga jam berada dalam suasana yang tenang di dalam kapal terbang, kami diminta oleh ketua pramugara supaya memakai tali pinggang semula. Kapten kapal terbang turut mengumumkan bahawa kapal terbang akan mendarat sebentar lagi. Semua penumpang diminta duduk di tempat duduk masing-masing dan memakai tali pinggang keselamatan semula. Akhirnya, kapal terbang yang kami naiki mendarat dengan selamatnya.

C. Seni Bahasa

Awas!!!

Apabila tiba di pasar

Pastikan keadaan selamat

Sebelum meneruskan langkah

Pastikan kereta berkunci

Tekan butang penggera

Tip... Tip... Tip.

.

Awas!!!

Melangkahlah dengan berhati-hati

Tatkala melalui kawasan becak

Tersilap langkah membawa padah

Jatuh tergelincir membawa gundah.

Awas!!!

Ketika berurus di pasar ikan

Jagalah diri, jagalah keselamatan

Peniaga sibuk menyiang ikan

Silap percaturan, pisau pun terbang.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Punca-punca berlakunya kemalangan di pasar:

1. Kecualian dalam kalangan peniaga dan pengunjung
2. Pengabaian aspek keselamatan seperti lantai yang licin dan penggunaan pisau

Kebaikan-kebaikan jika kita sentiasa berhati-hati dan berwaspada:

1. Terhindar daripada bahaya, masalah, dan kemalangan
2. Keselamatan sentiasa terjaga

UNIT 12: Fikir sebelum Klik

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- Sindiket penipuan Internet menawarkan hadiah supaya mangsa berasa teruja dengan tawaran yang diberikan oleh mereka.
- Sindiket tersebut akan meminta nombor akaun bank dan nombor kad pengenalan mangsa.
- Mereka meminta nombor-nombor itu untuk mengetahui jumlah wang yang terdapat dalam akaun bank mangsa dan memudahkan mereka berurus dengan bank.

B. Menulis

1. Seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai seorang pegawai bank yang menelefon Cikgu Dila.
2. Cikgu Dila akan diisyiharkan muflis jika beliau tidak membuat pembayaran dengan segeranya bagi menjelaskan hutangnya dengan sebuah bank.

3. Lelaki itu cuba menipu Cikgu Dila dengan menggunakan pelbagai muslihat dan mengugut akan menangkap Cikgu Dila di sekolah sekiranya beliau tidak membuat pembayaran dengan segeranya.
4. Jumlah bayaran yang diminta oleh lelaki itu daripada Cikgu Dila ialah RM10 000.00.
5. Ya, saya bersetuju dengan tindakan Cikgu Dila memutuskan talian kerana jika beliau terus melayan dan memenuhi arahan lelaki itu, kemungkinan Cikgu Dila akan terperdaya oleh tipu muslihatnya.

MODUL PP PRAKТИS UPSR 4

A. Sistem Bahasa

Praktis 1

1. B
2. A
3. D
4. A
5. D
6. C

Praktis 2

1. Eh (✓)
2. Wah (✓)
3. Aduhai (✓)
4. Cis (✓)

Praktis 3

(i)	Puan Nadia menasihati anak-anaknya agar tidak berjalan bersendirian _____ tempat yang sunyi.	di
(ii)	Pihak pengurusan feri itu memberikan taklimat keselamatan _____ para penumpang sebelum feri bertolak.	pada
(iii)	Murid-murid perlu mendapatkan kebenaran _____ ibu bapa untuk menyertai lawatan anjuran pihak sekolah.	kepada
(iv)	Para penginap chalet diminta mematuhi peraturan yang ditampal _____ papan notis itu demi keselamatan mereka.	dari

Praktis 4

- (i) Aspek keselamatan di pulau peranginan itu (amat, benar, sekali) penting agar dapat menarik perhatian pelancong.
- (ii) Kita tidak boleh berdiri (paling, sekali, terlalu) dekat dengan peniaga yang sedang mengoreng pisang.
- (iii) Cermat dan cekap (paling, nian, terlalu) Pak Cik Khalid semasa memandu bas sekolah itu di jalan raya.
- (iv) Pembinaan kawasan Rehat dan Rawat (R & R) di lebuh raya (benar, sangat, sekali) baik kerana dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada orang ramai.

B. Pemahaman

- (a) Kelab yang terlibat dengan penganjuran kempen miliki lesen memandu ialah Kelab Veteran Polis Kuala Kubu Bharu.
- (b) Matlamat Kempen Memiliki Lesen Memandu itu diadakan adalah untuk memastikan pengguna jalan raya memiliki lesen.

- (c) Pak Abu perlu pergi ke Pejabat JPJ Kuala Kubu Baru atau Pejabat Daerah Kuala Kubu Baru untuk mengambil borang bagi menyertai kempen tersebut.
- (d) Pada pendapat saya, kebaikannya jika semua pemandu kenderaan memiliki lesen memandu ialah kemalangan di jalan raya dapat dikurangkan kerana mereka dapat mengendalikan kenderaan dengan baiknya. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka perlu menghadiri kelas kemahiran teori dan praktikal sebelum menduduki ujian memandu, di samping mendorong mereka sentiasa mematuhi peraturan jalan raya.

C. Penulisan

1. Kita mestilah memakai topi keselamatan semasa menunggang basikal untuk melindungi kepala daripada tercedera jika terjatuh.
2. Pemandu kereta itu memakai tali pinggang keledar sebelum memandu keretanya untuk menjaga keselamatannya di jalan raya.
3. Pekerja-pekerja itu memakai jaket keselamatan semasa bekerja di jalan raya supaya kehadiran mereka dapat dilihat oleh pengguna jalan raya.
4. Pemandu kenderaan hendaklah memberhentikan kenderaan apabila lampu isyarat berwarna merah.
5. Kita perlulah mematuhi arahan daripada anggota polis trafik untuk menjamin kelancaran lalu lintas dan mengelakkan kemalangan.

AKTIVITI PAK-21: Kerusi Panas (*Hot Seat*)

Cadangan Jawapan

Kepentingan:

1. Mendidik murid-murid untuk menjadi pengguna jalan raya yang berhemah
2. Melahirkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan bertimbang rasa di jalan raya
3. Menjadikan jalan raya sebagai tempat yang selamat untuk semua orang
4. Mendidik murid-murid agar sentiasa mematuhi peraturan di jalan raya

UNIT 13: Formula Perpaduan

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

B. Menulis

Semasa dalam perjalanan, hujan turun dengan lebatnya. Pei Ling dan Mira tidak sempat untuk mencari tempat berteduh. Pakaian mereka basah kerana ditimpah hujan.

Apabila sampai di rumah Mira, keadaan mereka basah kuyup. Ibu Mira meminta Mira dan Pei Ling membersihkan dan mengeringkan badan mereka. Kemudian, beliau meminta mereka menukar pakaian.

Ibu Mira memberikan sepasang baju kurung kepada Pei Ling. Beliau meminta Pei Ling memakai baju itu kerana pakaian Pei Ling basah. Beliau berasa bimbang jika Pei Ling akan diserang selesema.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

1. Aktiviti sukan rakyat
2. Aktiviti kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum
3. Aktiviti rumah terbuka pada musim perayaan

C. Seni Bahasa

Lahirnya di sini
Cinta hati kami
Di tanah pertiwi
Malaysia tercinta

Dengarlah janji kami
Tulus ikhlas daripada jiwa
Taat setia
Tidak berbelah bagi
Akan kami pertahankan
Maruahmu Malaysia

Walaupun kami berbeza
Agama, bangsa, dan budaya
Melayu, Cina, India
Juga lain-lainnya
Tiada halangan
Untuk kami bersatu
Sehati sejiwa.

UNIT 14: Berkat Hidup Sepakat

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

B. Menulis

Pada hari pertama, Anuar dan rakan-rakannya yang terdiri daripada pelbagai bangsa menyertai aktiviti sukanaka. Mereka mengambil bahagian dalam acara terompah gergasi. Mereka bekerjasama dan bersatu hati untuk memenangi acara tersebut. Akhirnya, kumpulan mereka menjadi johan.

Pada waktu tengah hari, kaum wanita bantu-membantu semasa menyediakan makanan tengah hari. Mereka menjaga sensitiviti masyarakat pelbagai kaum semasa menyediakan makanan tersebut. Hal ini penting agar tidak timbul masalah yang dapat menjelaskan hubungan mereka.

Pada malamnya pula, Anuar dan rakan-rakannya menjayakan persembahan kebudayaan. Mereka mempersembahkan tarian kebudayaan pelbagai kaum. Suasana sungguh meriah. Para penonton terhibur oleh persembahan mereka.

AKTIVITI PAK-21: Lawatan ke Galeri (*Gallery Walk*)

Cadangan Jawapan

Cara-cara Mengukuhkan Perpaduan Kaum

1. Mengadakan majlis rumah terbuka ketika musim perayaan
2. Menganjurkan program kebudayaan yang melibatkan pelbagai kaum
3. Menggalakkan budaya kunjung-mengunjung antara kaum
4. Menganjurkan acara sukan yang melibatkan pelbagai kaum
5. Membanyakkan program televisyen yang memaparkan semangat perpaduan antara kaum

UNIT 15: Perpaduan Memajukan Negara

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Menulis

Pembetulan	
1. februari – Februari	6. kejuaraan – kemenangan
2. sulong – sulung	7. memupok – memupuk
3. pendidikan – pendidikan	8. bilang – berbilang

Pembetulan	
4. januari – Januari	9. iklas – ikhlas
5. menjadikan – menjadi	10. memegang – mencapai

AKTIVITI PAK-21: Carta KWL (KWL Chart)

Cadangan Jawapan

Apa yang saya tahu?	Apa yang saya ingin tahu?	Apa yang telah saya pelajari?
<ul style="list-style-type: none"> Tun Hussein Onn ialah Bapa Perpaduan Malaysia. Beliau ialah Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Beliau amat berjasa kepada negara terutamanya dalam usaha mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia. 	<ul style="list-style-type: none"> Apakah formula yang digunakan oleh beliau untuk mewujudkan perpaduan? 	<ul style="list-style-type: none"> Perpaduan amat penting dalam sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum. Setiap kaum perlu bertolak ansur dan saling memahami demi perpaduan.

B. Tatabahasa

- diubah suai
- kuning cair
- surat khabar
- berferima kasih
- pengurus besar
- berkawan baik
- bangku sekolah
- berbudi bahasa
- bertali leher
- kerjasama

AKTIVITI PAK-21: Forum

Cadangan Jawapan

Pendapat:

- Perpaduan asas kejayaan negara.
- Perpaduan mewujudkan suasana yang aman dan harmoni.
- Pelbagai kegiatan ekonomi dapat dijalankan jika negara aman.
- Bidang perniagaan dan perusahaan dapat berkembang dengan pesatnya.
- Para pelabur asing yakin dan berasa selamat untuk melabur di negara kita.
- Jika negara huru-hara, negara tidak dapat dimajukan.
- Ekonomi negara tidak akan stabil dan rakyat akan menderita.

MODUL PP PRAKTIS UPSR 5

A. Sistem Bahasa

Praktis I

- C

- A
- B
- D
- A
- B

Praktis 2

- A
- B
- A
- C

Praktis 3

Sikap berbaik sangka antara kaum penting dalam masyarakat kita kerana sikap itu dapat mengelakkan perselisihan faham antara kaum.

Praktis 4

Ayat tanya: Apakah tujuan program Hari Keluarga Taman Cempaka Sari diadakan?

B. Pemahaman

- C
- A
- D
- C
- D

C. Penulisan

Ungkapan “bersatu kita teguh, bercerai kita roboh” sering kali kita dengar. Ungkapan ini membawa maksud betapa pentingnya semangat perpaduan. Hal ini dikatakan demikian kerana perpaduan merupakan faktor penting bagi memacu kejayaan negara. Lebih-lebih lagi, bagi negara yang mempunyai rakyat yang berbilang bangsa seperti Malaysia.

Keamanan dapat diwujudkan apabila rakyat bersatu padu. Suasana yang aman harmoni amat penting kerana rakyat dapat melakukan pelbagai kegiatan ekonomi. Rakyat dapat bekerja dengan bebasnya tanpa rasa tergugat. Sebagai hasilnya, ekonomi negara akan berkembang maju.

Selain itu, keadaan politik negara juga akan stabil. Pemimpin dan rakyat dapat bekerjasama memajukan negara. Pentadbiran negara dapat dijalankan dengan lancarnya. Projek pembangunan akan berkembang pesat. Rakyat mendapat manfaat apabila dapat hidup dalam keadaan selesa dan sejahtera.

Seterusnya, imej negara di mata dunia juga dapat ditingkatkan. Negara kita akan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia kerana keamanan dan kemajuannya. Para pelancong tertarik untuk melancong ke negara kita kerana mereka berasa selamat. Begitu juga dengan para pelabur asing dan ahli perniagaan. Hal ini akan membawa kesan yang positif kepada negara.

Bayangkan keadaan yang akan berlaku jika rakyat negara kita tidak bersatu padu. Sudah pasti segala kebaikan ini tidak dapat kita nikmati. Jika keadaan politik dan ekonomi negara tidak stabil, rakyat akan menderita. Ketenteraman awam juga tergugat apabila terjadinya pergaduhan dan pertengkaran antara kaum.

Kesimpulannya, ungkapan “bersatu kita teguh, bercerai kita roboh” perlulah kita hayati dan fahami maksudnya. Kita mestilah menjaga perpaduan kerana semangat itu membawa manfaat yang besar kepada rakyat dan negara.

UNIT 16: Perkasakan Bahasa Kita

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

Tempat Pertandingan

1. kelas
2. dewan
3. pondok bacaan

Pertandingan yang Diadakan

1. kuiz bahasa
2. syarahan
3. mendeklamasikan sajak

Pemenang

1. kelas Tahun 2 Mawar
2. Mustakim bin Sulaiman dan Mastura binti Mahmud
3. Hasliza binti Hashim

B. Tatabahasa

1. digantung tinggi
2. pasu kecil
3. hampir terjatuh
4. cantik sekali
5. julung kali
6. menjawab pantas
7. sahaja
8. hampir pasti

UNIT 17: Budi yang Baik Dikenang Jua

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Imran: Kelvin, siapakah Staf Sarjan (B) Ismail bin Jaafar?
Kelvin: Staf Sarjan (B) Ismail bin Jaafar ialah pencipta nama kereta nasional pertama negara Malaysia.

Imran: Apakah nama yang diberikan oleh beliau?

Kelvin: Nama yang diberikan oleh beliau ialah Proton Saga.

Imran: Bilakah kereta pertama Malaysia dilancarkan?

Kelvin: Kereta pertama Malaysia dilancarkan pada tahun 1985.

Imran: Syarikat Malaysia bekerjasama dengan syarikat apa untuk mengeluarkan kereta tempatan?

Kelvin: Syarikat Malaysia bekerjasama dengan syarikat Mitsubishi untuk mengeluarkan kereta tempatan.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Jasa Pak Long sekeluarga

- memberi bantuan kewangan ketika dilanda masalah kewangan
- memberi bantuan ketika ayah menghadapi masalah kesihatan dan perlu dirawat di hospital
- memberi dorongan, motivasi, dan nasihat ketika perniagaan ayah menghadapi masalah
- sentiasa ada di samping ayah dan keluarga sama ada ketika senang atau ketika susah

B. Membaca

- Pengasas Fashion Valet ialah Vivy Sofinas Yusof.
- Vivy Yusof mengharumkan nama Malaysia dengan mengumpulkan pereka karya seni tempatan dan luar negara.
- Vivy Yusof menceburkan diri dalam bidang perniagaan kerana semangat ingin berjaya dan mengharumkan nama negara.

- Keistimewaan Fashion Valet yang diusahakan oleh Vivy Yusof ialah laman sesawang ini menawarkan pelbagai barang yang popular dan berkualiti di Asia.
- Apa-apa jawapan murid boleh diterima jika bersesuaian.

C. Menulis

Siapakah Leftenan Kolonel Norhana Abd Manaf? Beliau seorang wanita yang berwajah lembut, manis, dan ayu. Namun begitu, beliau berhati waja. Beliau telah memilih kerjaya sebagai juruterbang TUDM.

Norhana Abd Manaf mengikuti kursus penerbangan di Kolej Tentera Udara (KTU), Kepala Batas, Alor Setar, Kedah. Beliau telah menerima sayap penerbangan daripada pusat latihan berkenaan selepas menerbangkan Helikopter Alouette III selama 54 jam.

Kini, impian beliau telah tercapai. Beliau telah diiktiraf sebagai juruterbang helikopter wanita yang pertama di negara ini. Pencapaian itu menjadi sejarah dan membanggakan Norhana serta kaum wanita di Malaysia.

UNIT 18: Bersyukurlah

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Siapakah yang meronda di taman kita pada waktu malam, Zamri?

Anggota keselamatan yang meronda di taman kita pada waktu malam ialah anggota polis, Roslan.

Besar jasa mereka kepada anggota masyarakat. Mereka rela berkorban masa tidur mereka demi keselamatan kita. Siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga lalu lintas pula?

Roslan, anggota polis trafik yang bertanggungjawab untuk menjaga lalu lintas. Lalu lintas akan terkawal dengan bantuan mereka.

Anggota polis marin yang berani itu bertugas di mana, Zamri?

Anggota polis marin yang berani itu bertugas di laut, Roslan. Mereka mengawal perairan negara daripada ancaman musuh.

B. Menulis

Hujan turun dengan lebatnya sejak pagi tadi. Paras air Sungai Selasih semakin naik. Penduduk Kampung Selasih bersiap sedia untuk menghadapi banjir.

Mula-mula, mereka menyimpan semua dokumen penting di tempat yang selamat. Mereka juga menyimpan peralatan elektrik di tempat yang tinggi.

Tidak lama kemudian, Kampung Selasih mulai ditenggelami air. Ketua kampung menghubungi pihak Angkatan Pertahanan Awam untuk mendapatkan bantuan. Semua penduduk diarahkan supaya berpindah ke pusat pemindahan banjir.

Seterusnya, pihak Angkatan Pertahanan Awam membantu penduduk Kampung Selasih berpindah demi keselamatan mereka. Mereka ke pusat pemindahan itu dengan menaiki bot.

Akhir sekali, pihak Angkatan Pertahanan Awam membantu penduduk Kampung Selasih membersihkan rumah dan kawasan kampung setelah air surut.

Anggota Pertahanan Awam banyak berjasa kepada masyarakat. Oleh itu, kita perlu menghargai jasa mereka.

MODUL PP PRAKTIS UPSR 6

A. Sistem Bahasa

Praktis 1

1. C
2. D
3. D
4. A
5. A
6. B

Praktis 2

1. bawaha
2. kerana
3. ketika
4. manakala

Praktis 3

(i)	Unit Komando diberikan latihan secukupnya _____ menghadapi musuh dalam pelbagai situasi.	dan
(ii)	Anggota polis diberikan motosikal berkuasa tinggi _____ mereka dapat membuat rondaan dengan lebih baiknya.	untuk
(iii)	Anggota tentera laut _____ polis marin bertanggungjawab untuk menjaga perairan negara.	bawaha
(iv)	Ketua Polis Negara memberitahu kumpulan pemberita itu _____ kadar jenayah di negara kita semakin berkurang.	supaya

B. Pemahaman

- (a) Iklan di atas memaparkan maklumat tentang pengambilan laskar muda TLDM.
- (b) Warganegara Malaysia yang berminat untuk memohon jawatan sebagai laskar muda TLDM mestilah berumur antara 18 hingga 23 tahun.
- (c) Hafizi tidak layak untuk memohon jawatan sebagai laskar muda TLDM kerana status bujang ialah syarat permohonan.
- (d) Sekiranya negara kita tidak mempunyai tentera laut, negara kita akan diceroboh dengan mudahnya oleh musuh melalui jalan laut. Hal ini dikatakan demikian kerana negara kita seperti pulau yang mempunyai pantai sepanjang negara kita.

C. Penulisan

1. Kita mestilah memasang bendera Jalur Gemilang di hadapan rumah kita semasa sambutan bulan kemerdekaan.
2. Rakyat yang cinta akan negara akan mematuhi peraturan jalan raya untuk menjamin keselamatan semua pengguna jalan raya.
3. Asri membeli barang buatan Malaysia yang setanding dengan barang buatan luar negara kerana dia cinta akan negara.
4. Rakyat Malaysia perlulah memertabatkan bahasa kebangsaan dengan menggunakan bahasa Melayu dengan betulnya apabila berbual dengan rakan-rakan.
5. Angkatan Tentera Malaysia telah menunjukkan bukti bahawa mereka cinta akan negara dengan mengawal sempadan supaya penceroboh tidak memasuki negara kita.

UNIT 19: Khazanah Kesenian Bangsa

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

Mira: Lawatan yang manakah akan kamu sertai, Anuar?
 Anuar: Saya akan menyertai lawatan ke Muzium Kraf Kuala Lumpur.

Ming Chai: Mengapakah kamu mahu menyertai lawatan tersebut?

Anuar: Saya mahu menyertai lawatan tersebut kerana lawatan ke Muzium Kraf Kuala Lumpur diadakan pada hari cuti, iaitu hari Sabtu. Bayaran yang dikenakan kepada peserta pula murah, iaitu RM40 seorang termasuk kos tambang bas dan makan. Selain itu, lawatan tersebut amat menarik dan bermanfaat kerana saya dapat melihat secara lebih dekat cara seni kraf diusahakan seperti pembuatan tembikar, pertukangan tembaga, ukiran kayu, dan sebagainya.
 (Apa-apa jawapan murid boleh diterima jika bersesuaian.)

AKTIVITI PAK-21: Catat dan Kongsi (Chart and Share)

Cadangan Jawapan

Nama Kumpulan: Kumpulan Distira

Tarikh: 12 April 2109

Topik: Kebaikan Program Lawatan sambil Belajar ke Kilang Roti

1. Memberi pendedahan kepada para peserta tentang industri pembuatan roti
2. Memberi peluang kepada peserta untuk membuat kajian lapangan
3. Menaikkan semangat para peserta untuk menjadi usahawan
4. Mendedahkan pelbagai jenis kerjaya kepada para peserta
5. Memberi peluang kepada peserta untuk memperoleh pengalaman baharu di luar sekolah

B. Menulis

1. Tukang karut ialah orang yang menyampaikan pantun dan syair dalam persembahan dikir barat.
2. Tukang karut dianggap sebagai orang yang paling penting dalam persembahan dikir barat kerana tanpa tukang karut, pantun dan syair tidak dapat disampaikan kepada penonton.
3. Jika saya diberikan peluang untuk menuhuhan kumpulan dikir barat, nama yang akan saya berikan kepada kumpulan saya ialah "Wira Dikir" kerana saya hendak membuktikan bahawa kumpulan kami berkemampuan untuk menjadi wira yang akan mempertahankan persembahan dikir barat daripada luput ditelan zaman.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan:

Permainan tradisional yang saya minati ialah permainan dam aji. Saya meminati permainan ini kerana permainan ini amat menyeronokkan dan tidak begitu sukar untuk dimainkan. Permainan ini boleh dimainkan di mana-mana sahaja dan dapat mengisi masa yang terluang. Selain itu, permainan ini juga dapat menguji kepintaran kerana para pemain perlu berfikir untuk mengalahkan pihak lawan.

C. Seni Bahasa

Pada suatu hari, Kampung Malinja dilanda banjir. Air Sungai Malinja melimpah lalu membanjiri kawasan kampung. Banyak rumah di Kampung Malinja ditenggelami air.

Mujurlah rumah Pak Usop bertiang tinggi. Rumah Pak Usop tidak ditenggelami air. Air hanya naik pada paras separuh tiang. Pak Usop dan keluarganya selamat. Harta benda mereka tiada yang musnah.

Jiran-jiran Pak Usop yang menjadi mangsa banjir meminta bantuan daripada Pak Usop. Mereka menumpang di rumah Pak Usop untuk sementara waktu. Pak Usop dengan ikhlas hati membantu mereka. Pak Usop tidak bersikap seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

Pak Usop bersyukur kerana tidak ditimpah kesusahan akibat banjir. Pak Usop bertuah kerana mempunyai rumah kutai yang banyak keistimewaananya.

AKTIVITI PAK-21: Enam Topi Pemikir (*Six Thinking Hat*)

Murid memberikan komen terhadap cerita yang didengar berpandukan Topi Pemikir yang dipakai.

Topi hijau (pemikiran kreatif)	memberikan komen berpandukan idea yang kreatif dan menjanakan idea baharu
Topi putih (pemikiran neutral dan objektif)	memberikan komen secara objektif dan berdasarkan fakta
Topi kuning (pemikiran positif)	memberikan komen yang positif seperti kebaikan, kelebihan, dan keistimewaan
Topi hitam (pemikiran negatif)	memberikan komen yang negatif seperti keburukan, kelemahan, dan kekurangan
Topi merah (pemikiran berpandukan emosi atau perasaan)	memberikan komen yang berkait dengan perasaan seperti suka, benci, marah, dan sebagainya
Topi biru (pemikiran kawalan)	mengawal pemikiran topi-topi yang lain

UNIT 20: Warisan Berharga **MODUL PBD PRAKTIS DSKP**

B. Membaca

Petikan membincangkan kepentingan karya sastera kanak-kanak. Hasil seni ini amat penting kerana fungsinya bukan sekadar memberikan hiburan semata-mata. Karya sastera kanak-kanak menerapkan nilai, pengajaran, dan didikan moral ke dalam diri kanak-kanak. Sebagai contoh, dalam cerita “Anjing dengan Bayang-bayang”, kanak-kanak dididik supaya menjauhi sikap tamak kerana sikap itu membawa kesan buruk. Selain itu, karya sastera kanak-kanak seperti cerita, pantun, gurindam, dan seloka dapat meningkatkan daya kreativiti, imaginasi, dan keintelektualan kanak-kanak. Kesimpulannya, kanak-kanak perlu digalakkan untuk membaca karya sastera kanak-kanak kerana karya tersebut dapat membentuk sikap positif dalam diri mereka.

AKTIVITI PAK-21: Perbincangan Berpasangan (*Pair Discussion*) **Cadangan Jawapan**

Contoh Buku Cerita: *Jani dan Buku Ajaib*

Faedah:

- Memberi hiburan yang menyeronokkan
- Memperoleh pelbagai ilmu seperti ilmu sains dan sejarah
- Meluaskan kosa kata dan mempelajari penggunaan bahasa indah

- Mendidik pembaca supaya rajin berusaha dan tidak mudah berputus asa
- Menanamkan sikap berbudi bahasa dan tolong-menolong dalam diri pembaca

C. Menulis

40 orang – Kelab Budaya
– lawatan sambil belajar
– Istana Budaya – empat orang guru

tujuan – menimba pengetahuan – seni teater
– cara pementasan teater
– melihat Istana Budaya



lokasi di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

keunikan – bentuk bangunan seperti sirih junjung – dari atas berbentuk seperti wau bulan – reka bentuk berkonsepkan rumah Melayu tradisional

Lawatan ke Istana Budaya

Pada 17 Mac 2019, sebanyak 40 orang anggota Kelab Budaya, Sekolah Kebangsaan Raja Hasan telah menyertai lawatan sambil belajar ke Istana Budaya. Lawatan tersebut turut disertai oleh empat orang guru pengiring.

Tujuan lawatan itu dianjurkan adalah untuk memberi peluang kepada para peserta untuk menimba pengetahuan tentang seni teater. Mereka dapat mengetahui cara sesuatu pementasan teater dijalankan. Selain itu, mereka juga dapat menyaksikan keistimewaan Istana Budaya yang sering menjadi tumpuan penggiat dan peminat seni teater.

Istana Budaya yang terletak di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur itu sungguh unik. Bentuk bangunannya seperti sirih junjung. Bentuk bangunan itu kelihatan seperti wau bulan apabila dilihat dari pandangan atas. Bangunan itu direka bentuk berkonsepkan rumah Melayu tradisional.

Para peserta berasa sangat gembira dan berpuas hati kerana dapat menyertai lawatan ke Istana Budaya. Lawatan tersebut sangat bermanfaat dan menyeronokkan mereka.

AKTIVITI PAK-21: Pengurusan Grafik (*Graphic Organiser*)

Cadangan Jawapan

Istana Budaya

Terletak di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

Teater yang utama di Malaysia

Dirasmikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad

Ditubuhkan pada September 1999

Menjadi tempat persembahan seni dan teater dari dalam dan luar negara

UNIT 21: Indahnya Budaya Kita

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Membaca

Seminggu yang lalu, telah berlangsung majlis perkahwinan sepupu Mira di Muar, Johor. Mira dan keluarganya telah diundang untuk memeriahkan majlis itu. Mereka bertolak dari Kuala Lumpur pada awal pagi dan tiba di Muar pada pukul 12:30 tengah hari.


Setibanya mereka di sana, suasana cukup meriah. Banyak sungguh tetamu yang datang. Mira dinasihati oleh ibu bapanya supaya menjaga adab semasa berada di majlis itu. Dia perlu melakukan sesuatu tindakan mengikut keutamaan dan kesesuaian majlis.

Mula-mula, Mira bersalam dengan tuan rumah, iaitu Pak Cik Saleh dan Mak Cik Rohaya. Dia bersalam dengan sopan dan mesranya. Selepas itu, dia menuju ke meja hidangan. Dia beratur bersama-sama tetamu yang lain untuk mengambil makanan.

Seterusnya, dia menjamu selera dengan sopannya. Dia makan dengan cermatnya dan tidak gelojoh. Makanan yang diambilnya dimakan sehingga habis. Setelah selesai makan, dia pun berbual-bual dengan saudara-maranya. Dia berasa sungguh gembira kerana majlis itu dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

AKTIVITI PAK-21: Peta i-THINK

Cadangan Jawapan



B. Menulis

Nama Tarian	Warisan Kaum	Alat Muzik yang Digunakan
1. Tarian Zapin	Melayu	gambus, rebana, gendang, marwas
2. Tarian Singa	Cina	gong, gendang
3. Tarian Ngajat	Iban	gong, gendang, tawak, bebundai, engkerumong, sape

C. Tatabahasa

- Perlu menjadi "nenek" seorang pemain.
- Menjadi "cucu" pemain yang lain.
- Mestilah ditutup mata "nenek".
- Sebanyak tiga kali "nenek" dipusingkan.
- Menyanyikan lagu "Nenek-nenek Si Bongkok Tiga" "cucu".
- Berpegangan tangan mereka.
- Berkelduan seperti nenek tua "nenek".
- Sungguh seronok permainan ini.

MODUL PP PRAKТИS UPSR 7

A. Sistem Bahasa

Praktis I

- D
- D
- C
- A

Praktis 2

- kraf tangan
- kerjasama

Praktis 3

- Shahid suka membaca buku cerita "Sang Kancil" kerana buku cerita itu banyak memberikan nilai positif kepada pembaca.
- Saya berasa sungguh gembira dan terhibur semasa menyaksikan persembahan caklempong.

Praktis 4

- Apakah senjata yang digunakan oleh hulubalang Melayu untuk mempertahankan diri?
- Bilakah Tarian Ngajat dipersembahkan oleh masyarakat Iban?
- Mengapakah pelancong asing tertarik untuk berkunjung ke Malaysia?

Praktis 5

- Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- Bagaimana acuan, begitulah kuihnya

B. Pemahaman

- D
- C
- D
- D
- B

C. Penulisan

Poster menunjukkan program Minggu Kesenian dan Kebudayaan Warisan yang dianjurkan oleh Sekolah Kebangsaan Bukit Setia.

Program yang bertemakan Cintailah Seni Budaya Bangsa itu akan diadakan dari 6 Mei hingga 12 Mei 2019. Waktu ini sesuai kerana murid telah selesai menduduki peperiksaan. Pelbagai aktiviti yang menarik akan dijalankan seperti persembahan tarian tradisional, sukaneka permainan tradisional, pertandingan berbalas pantun, dan demonstrasi masakan tradisional. Pertandingan ini dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan warga sekolah. Seluruh warga sekolah terlibat dalam program yang bertujuan untuk memupuk semangat cinta akan budaya bangsa.

Kesimpulannya, program ini amat wajar dianjurkan kerana dapat memberikan peluang kepada murid-murid untuk mengenali dan menghargai warisan budaya bangsa.

UNIT 22: Bumiku Sejahtera

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Membaca

Kawan-kawan, saya telah membaca maklumat tentang inovasi yang dicipta oleh Muhammad Solihin Hamzah.

Muhammad Solihin Hamzah berjaya mencipta alat untuk menghalau monyet dengan menggunakan bahan-bahan yang mudah diperoleh di sekeliling kita. Akan saya terangkan cara untuk menghasilkan alat tersebut.

Mula-mula, sediakan belacan, botol plastik, dan kacang tanah. Selepas itu, tebus lubang pada botol itu. Seterusnya, gaulkan kacang dengan belacan. Kemudian, masukkan kacang tanah yang telah digaul dengan belacan itu ke dalam botol.

Seterusnya, gantungkan botol itu di atas dahan pokok yang sering diganggu oleh monyet. Monyet akan berasa takut untuk makan rambutan di atas pokok itu kerana tidak suka akan bau belacan itu.

B. Menulis

Petikan di atas tentang aktiviti gotong-royong di kawasan taman perumahan, iaitu Taman Rasa Jaya.

Kita haruslah mengagihkan tugas supaya semua kerja dapat disiapkan dengan cepatnya. Seterusnya, kita perlulah menanam rumput di kawasan tanah tinggi agar tanah tidak runtuh semasa hujan. Selain itu, kita hendaklah menanam pokok buluh di sepanjang tebing sungai untuk mengelakkan hakisan tanah. Di samping itu, kita sewajarnya menanam pokok di kawasan kediaman kita untuk menghijaukan kawasan kediaman kita. Akhir sekali, kita mestilah membersihkan kawasan kediaman kita dengan mengutip sampah sarap supaya pencemaran udara tidak berlaku.

Kesimpulannya, aktiviti gotong-royong di kawasan kediaman amat baik kerana kawasan kediaman kita menjadi ceria dan cantik.

C. Seni Bahasa

Air sungai tercemar kerana manusia membuang sampah sarap ke dalam sungai.

Kita hendaklah mengelakkan daripada menggunakan polistirena untuk membungkus makanan kerana polistirena sukar terurai dan akan merosakkan alam.

Kita haruslah mengurangkan penggunaan elektrik pada setiap hari untuk mengurangkan penipisan lapisan ozon.

Kita hendaklah banyak menanam pokok di kawasan rumah kita supaya udara di sekeliling kita sentiasa bersih dan alam sentiasa baik.

UNIT 23: Pencinta Alam

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

Datukku,
Kegigihanmu mengusahakan tanah pusaka,
Amat kukagumi,
Tanah tidak terbiar,
Ditanam dengan sayur-mayur,
Menghijaukan alam, juga menjadi sumber pendapatan,
Sayur-mayurmuh hidup dengan suburnya,
Tanpa semburan racun serangga,
Sihat tanpa kimia.

Oh, datukku!
Tanpa lelah dan jemu,
Teruskan usaha dan perjuanganmu,
Berbakti lah kepada tanah.

B. Tatabahasa

- Ayah Zahrin menyediakan seutas tali, dua buah tin susu, beberapa biji guli, sebilah pisau, dan seurat dawai di atas sebuah pangkin.
- Ayah Zahrin memasukkan dua biji guli ke dalam kedua-dua buah tin itu. Kemudian, ayahnya mengikat tin-tin itu dengan seurat dawai.

- Ayah Zahrin memanjat sebatang pokok langsat lalu menggantungkan kedua-dua buah tin tadi pada dahan pokok. Seutas tali yang panjang ditarik ke dalam sebuah dangua.
- Beberapa ekor kera datang untuk makan beberapa gugus langsat. Ayah Zahrin menarik seutas tali dari sebuah dangua. Oleh itu, tin-tin itu berbunyi seperti loceng. Beberapa ekor kera melarikan diri ke sebuah hutan.

UNIT 24: Lestarikan Keindahan Alam

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Masyarakat hendaklah ringan tulang dengan menanam pelbagai jenis pokok hiasan di kawasan perumahan. Selain itu, pihak sekolah perlu mengadakan kempen Sayangi Alam Sekitar agar murid-murid cinta akan alam sekitar yang bersih dan indah. Seterusnya, kita perlu menyokong amalan kitar semula dengan menggunakan barang-barang kitar semula. Akhir sekali, pihak penguat kuasa tidak boleh pilih kasih semasa menangkap orang yang tidak mematuhi peraturan alam sekitar. Oleh itu, alam sekitar akan sentiasa terpelihara.

B. Menulis

I2 B, Jalan Mangga 5,
Taman Binjul,
09300 Kuala Ketil, Kedah.

Encik Hanafiah bin Tuan Haji Sameon,
Pengurus Bahagian Lanskap,
Majlis Daerah Kuala Ketil,
093000 Kuala Ketil, Kedah.

5 OGOS 2019.

Tuan,
Permohonan Lori Sampah

Merujuk perkara di atas, saya, Zubaidah binti Noh, Setiausaha Persatuan Penduduk Taman Binjul ingin memaklumkan bahawa kami akan mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kediaman kami. Oleh itu, kami ingin memohon lori sampah daripada pihak Majlis Daerah Kuala Ketil bagi menjayakan aktiviti gotong-royong tersebut.

2. Gotong-royong tersebut akan diadakan pada ketetapan yang berikut:

Tarikh: 18 Ogos 2019

Tempat: Taman Binjul

Masa: 8:00 pagi hingga 1:00 petang

3. Kami akan membersihkan kawasan kediaman termasuk taman permainan kanak-kanak dan dewan. Oleh itu, kami memerlukan sebuah lori untuk mengangkat sampah sarap ke tapak pelupusan sampah.

4. Sehubungan dengan itu, besarkan harapan kami agar kita dapat bekerjasama untuk melancarkan program gotong-royong tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Zubaidah

(ZUBAIDAH BINTI NOH)

Setiausaha, Persatuan Penduduk Taman Binjul.

MODUL PP PRAKTIS UPSR 8

A. Sistem Bahasa

Praktis 1

1. B
2. C
3. A
4. D
5. C
6. B

Praktis 2

- (i) Mungkin (✓)
(ii) Selepas itu (✓)

Praktis 3

(i)	Aktiviti pembalakan haram menjadi punca kepupusan flora dan fauna di negara kita. _____, aktiviti tersebut perlu dibanteras dengan segeranya.	Oleh itu
(ii)	Madiyah menyapu daun-daun kering yang gugur di halaman rumahnya. _____, dia memasukkan daun-daun kering itu ke dalam plastik sampah.	Selain itu
(iii)	Sikap sejumlah penduduk yang membuang sampah ke dalam sungai menyebabkan sungai itu tercemar. _____, mereka menghentikan perbuatan itu selepas menyedari kepentingan menjaga sungai.	Seterusnya
(iv)	Kempen Sayangi Sungai Kita dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai. _____, kempen tersebut juga dapat menyemaikan perasaan cinta akan alam sekitar dalam kalangan masyarakat.	Namun begitu

Praktis 4

- (i) Shamshul mendapat markah yang tinggi dalam pertandingan syarahan alam sekitar. (Walau bagaimanapun, Oleh hal yang demikian), dia gagal dalam pertandingan syarahan pada peringkat negeri.
- (ii) Penceroboh tidak berani menceroboh kawasan hutan itu setelah disaman oleh pihak berkuasa. (Namun begitu, Tambahan pula), kawasan itu telah dipagar dengan kawat berdiri.

B. Perbahaman

- (a) Iklan di atas adalah tentang pertandingan melukis poster bersempena dengan program jom hijaukan kawasan sekolah.
- (b) Tujuan pertandingan melukis poster ini diadakan adalah untuk menyedarkan murid tentang kepentingan tumbuhan di sekolah.
- (c) Yuran penyertaan yang perlu dibayar oleh mereka ialah RM40.00.

- (d) Sekiranya kawasan sekolah saya tidak ditanam dengan pelbagai jenis pokok, kawasan sekolah saya akan menjadi panas kerana terdedah pada pancaran cahaya matahari. Oleh itu, murid berasa tidak selesa semasa belajar, dan seterusnya menjelaskan tumpuan mereka terhadap pelajaran yang diajarkan oleh guru-guru.

C. Penulisan

Alam sekitar yang bersih dan indah amat penting untuk kesejahteraan hidup kita. Lantaran itu, kita perlu bertanggungjawab terhadap alam sekitar dengan mengekalkan kelestariannya.

Saya sangat mementingkan alam terutamanya air. Oleh itu, saya akan berjimat cermat ketika menggunakan air. Saya akan menggunakan air pancuran ketika mandi. Saya juga tidak akan membiarkan air terus mengalir semasa menggosok gigi.

Seterusnya, saya tidak akan membakar sampah dengan sesuas hati. Sebaliknya, sampah sarap itu akan saya masukkan ke dalam plastik sampah. Kertas dan daun kering pula akan saya tanam kerana kertas dan daun kering boleh terurai dan menjadi kompos.

Selain itu, saya akan menggunakan kompos di kebun sayur. Oleh itu, sayur-sayuran yang saya tanam bebas daripada bahan kimia. Selain itu, saya tidak merosakkan tanah dan udara dengan racun kimia.

Akhir sekali, saya akan mengasingkan sampah mengikut kategorinya. Saya memasukkan kerjas dan botol ke dalam beg plastik yang berasingan. Kertas itu akan saya jual di pusat dikitar semula. Secara tidak langsung, saya dapat mengurangkan penebangan pokok untuk dibuat kertas.

Saya berasa bangga kerana dapat membantu pihak kerajaan untuk melestarikan alam. Saya berjanji akan menjaga alam ini dengan baiknya demi generasi akan datang.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Cara-cara untuk mengelakkan pembiakan serangga pembawa penyakit di rumah:

1. Memastikan kawasan rumah sentiasa bersih
2. Menguruskan pembuangan sampah dengan sistematis Sebab perlu mengelakkan pembiakan serangga pembawa penyakit di rumah:
 1. Memastikan kesihatan setiap anggota keluarga terpelihara
 2. Mewujudkan persekitaran tempat tinggal yang selesa dan selamat

UNIT 25: Keajaiban Sains

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Menulis

Mula-mula, Mira mengisikan air ke dalam sebuah bekas. Kemudian, dia meletakkan sekeping cermin di dalam bekas itu. Kedudukan cermin itu dicondongkannya sedikit. Seterusnya, dia mengambil lampu suluh lalu menyuluhkan cahaya ke bahagian cermin yang terendam di dalam air. Akhir sekali, dia meletakkan sekeping kad Bod putih di hadapan cermin.

B. Seni Bahasa

Cadangan Jawapan

Topio menceritakan peristiwa yang berlaku.

- Pada suatu hari, tuan saya sedang menunggang motosikal untuk ke tempat kerjanya. Kami melalui sebatang jalan raya yang agak sibuk. Tidak lama kemudian, ada sebuah lori mengekor tuan saya dengan rapatnya.

- Apabila tiba di suatu simpang, tuan saya memperlahangkan motosikalnya. Tiba-tiba, lori yang berada di belakang tuan saya mengalami masalah tayar. Tayar lori itu meletup dan lori itu terbabsa.
- Mujurlah tuan saya dapat melihat kejadian itu melalui paparan pada skrin saya. Dia pun bertindak pantas. Dia mengelak daripada dilanggar oleh lori yang terbabsa itu. Syukurlah, kami terselamat daripada menjadi mangsa kemalangan jalan raya.

C. Tatabahasa

- sihat
- baik
- nian
- cerah
- cukup
- aneh
- begitu
- amat
- kecil
- benar

UNIT 26: Masyarakat Kreatif dan Inovatif

MODUL PBD PRAKTIK DSKP

B. Menulis

Anuar mencari idea untuk menyelesaikan masalah itu. Dia terfikir untuk menjadikan kasutnya kalis air. Jika kasutnya kalis air, kasutnya tidak akan basah apabila terkena air hujan. Selain itu, air tidak akan menyerap masuk ke dalam kasutnya dan stokingnya tidak akan basah.

Setelah melakukan kajian, akhirnya Anuar mendapat suatu idea. Dia mengambil sebatang lilit. Dia menyapukan lilit itu pada permukaan luar kasut sekolahnya. Kemudian, dia menggunakan pengering rambut untuk memanaskan dan meratakan lilit itu.

AKTIVITI PAK-21: Pengalaman Peribadi (*Learning Experiences*)

Cadangan Jawapan

Murid berkongsi pengalaman peribadi

Masalah: Sukar bangun awal pagi

Akibat:

- Terlewat tiba di sekolah
- Dimarahi oleh ibu bapa
- Ditegur oleh guru
- Dikenakan tindakan disiplin

Cara penyelesaian:

- Tidur awal
- Menggunakan jam loceng yang lebih kuat bunyinya
- Tidak bersikap sambalewa atau berlengah-lengah

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

- Nama alat ciptaan: Lampu Tidur Pintar
- Keistimewaan: Lampu tidur ini diperbuat daripada bahan-bahan terpakai. Lampu ini boleh terpasang dan tertutup secara automatik. Lampu ini dapat menjimatkan tenaga elektrik kerana menggunakan lampu cekap tenaga.

UNIT 27: Manfaatkan Kemajuan Teknologi

MODUL PBD PRAKTIK DSKP

A. Membaca

Peralatan elektrik amat penting dalam kehidupan kita. Peralatan tersebut membantu kita melakukan pelbagai kerja dengan mudah dan cepatnya. Sebagai contoh, Puan Suzana menggunakan pengisar untuk menyediakan hidangan. Anaknya, Adlina pula membakar kek dan biskut dengan menggunakan ketuhar elektrik. Seterusnya, Amira menyimpan buah-buahan dan sayur-sayuran di dalam peti sejuk. Dia juga menggunakan periuk nasi automatik untuk menanak nasi. Suami Puan Suzana, iaitu Encik Hasnan menggunakan pembersih vakum untuk membersihkan permaidani. Kesimpulannya, peralatan elektrik sangat penting kerana amat bermanfaat dalam kehidupan kita.

AKTIVITI PAK-21: Peta Minda (*Mind Map*)

Cadangan Jawapan



C. Menulis

Aku dilengkapi peranti yang canggih. Pada badanku terdapat kamera dan mikrofon yang dapat merakamkan gambar dan suara. Aku juga mempunyai kemudahan Wi-Fi yang memungkinkan aku berhubungan dengan Internet.

Setelah beberapa hari dipamerkan di sebuah kedai peralatan elektronik, aku dibeli oleh seorang wartawan. Tuan aku bekerja di sebuah syarikat akhbar terkemuka di Kuala Lumpur. Tuan aku membeliku kerana aku mampu memudahkan tugasnya.

Sejak hari itu, tuan aku membawaku ketika membuat liputan berita. Aku digunakan bukan sahaja untuk menulis atau mencatat nota tetapi juga untuk merakamkan gambar dan suara. Tuan aku dapat melakukan tugasnya dengan cemerlangnya.

Akhirnya, tuan aku telah dinaikkan pangkat. Tuan aku berasa amat gembira kerana jerih perihnya diharga. Aku turut berasa gembira. Aku berjanji akan memberikan khidmat yang terbaik kepada tuan aku selagi terdaya.

MODUL PP PRAKTIS UPSR 9

A. Sistem Bahasa

Praktis 1

1. C
2. A
3. B
4. D
5. C
6. C

Praktis 2

1. C
2. B

Praktis 3

1. D
2. B

B. Pemahaman

1. D
2. C
3. B
4. D
5. A

C. Penulisan

1. Hisham menggunakan papan kekunci untuk menaip tugasannya di makmal komputer sekolah.
2. Hasni melayari Internet untuk mendapatkan maklumat di laman sesawang bagi menyiapkan tugasannya sekolahnya.
3. Zaid mencetak hasil tugasannya dengan menggunakan pencetak yang disediakan di makmal komputer sekolahnya.
4. Harlina menggunakan fon kepala untuk mendengar audio daripada komputer dengan jelasnya.
5. Cikgu Razak mengawasi murid-muridnya yang sedang menggunakan komputer di makmal komputer.

UNIT 28: Hargailah Pokok

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Mula-mula, sediakan bahan penggalak akar, botol, air, dan pisau. Kemudian, pilih ranting pokok yang telah matang untuk dipotong. Kerat ranting itu dengan pisau. Seterusnya, masukkan air ke dalam botol plastik atau botol kaca. Celupkan pangkal ranting yang dipotong itu dengan bahan penggalak akar. Akhir sekali, masukkan ranting pokok itu ke dalam botol. Ikat batang itu agar tergantung supaya pangkalnya tidak terkena dasar botol. Selepas beberapa hari, akar akan tumbuh pada ranting itu. Setelah akar itu banyak, tanam keratan batang itu di dalam beg poli.

B. Menulis

1. Kebaikan menanam ulam-ulaman dan sayur-sayuran di persekitaran rumah ialah kita dapat mewujudkan landskap yang menarik dan ceria.
2. Faedah yang didapat jika seseorang itu suka bercucuk tanam ialah kawasan persekitarannya menjadi menarik serta dapat menikmati hasil tanaman yang segar dan bebas daripada racun serangga.

3. Kita dapat menjimatkan kos penanaman sayur-sayuran dan ulam-ulaman ini dengan menggunakan barang-barang terpakai seperti botol sabun pencuci pakaian, kayu palet, dan botol plastik sebagai bekas tanaman.
4. Kesan jika kita makan ulam atau sayur yang mengandungi bahan kimia ialah kesihatan kita akan terjejas kerana bahan kimia menggalakkan pelbagai penyakit.

AKTIVITI PAK-21: Kerusi Panas (*Hot Seat*)

Cadangan Jawapan

1. Mengindahkan kawasan rumah
2. Mewujudkan suasana yang harmoni dengan jiran tetangga
3. Memberikan ketenangan dan kedamaian kepada semua anggota keluarga
4. Menggembirakan dan memberikan keselesaan kepada semua anggota keluarga

UNIT 29: Penternakan Moden

A. Membaca



B. Menulis

Bermodalkan duit simpanannya, Abang Arif memulakan usahanya. Kandang kambingnya dibina dengan lebih tinggi untuk memudahkan proses membersihkan najis kambing.

Selepas kandang itu siap, Abang Faiz membeli enam ekor kambing daripada baka *Saanen*, *British Alpine*, dan *Toggenberg*. Kambing jenis baka ini menghasilkan susu yang banyak dan berkualiti.

Abang Arif menjaga kambing-kambing tenusunya dengan baik sekali. Kambing-kambing itu diberikan makanan, iaitu dedak dan rumput yang mencukupi serta vitamin.

Selain itu, kandang-kambingnya juga dibersihkan menggunakan pencuci nyah kuman pada setiap hari. Kambing-kambingnya juga dibersihkan pada setiap hari.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk bercerita tentang abang saya, Abang Arif, penternak kambing tenusu.

Abang Arif menggunakan wang simpanannya sebagai modal. Kandang yang lebih tinggi dibina untuk memudahkan proses membersihkan najis kambing.

Selepas itu, Abang Arif membeli enam ekor kambing daripada baka *Saane*, *British Alpine*, dan *Toggenberg* yang menghasilkan susu yang banyak dan berkualiti.

Abang Arif menjaga semua kambingnya dengan baik sekali. Kambing-kambing itu diberi makanan, iaitu dedak dan rumput yang mencukupi serta vitamin.

Abang Arif membersihkan kandang kambingnya menggunakan pencuci nyah kuman serta membersihkan kambing-kambingnya pada setiap hari

Yang ikhlas,
Iqbal

C. Tatabahasa

1. ialah; di,
2. dan; daripada
3. Wah; ketika
4. beberapa; dari
5. telah; oleh
6. atau; dan
7. ke; atau
8. Harap; telah

UNIT 30 Pertanian Sumber Rezeki

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Kumpulan 4 <i>Tajuk:</i> Faedah yang didapat oleh petani hasil daripada usaha FAMA mengadakan promosi produk pertanian Faedah yang didapat oleh petani hasil daripada usaha FAMA mengadakan promosi produk pertanian ialah mereka dapat meningkatkan keuntungan mereka.	Kumpulan 1 <i>Tajuk:</i> Tujuan penubuhan FAMA FAMA ditubuhkan untuk menyelia, menyalarsa, dan meningkatkan pemasaran produk pertanian di Malaysia.	Kumpulan 2 <i>Tajuk:</i> Faktor petani digalakkan menyertai aktiviti pemasaran Petani digalakkan menyertai aktiviti pemasaran supaya mereka dapat menambahkan pendapatan.	Kumpulan 3 <i>Tajuk:</i> Cara FAMA membantu petani dalam pemasaran produk pertanian FAMA membantu petani dalam pemasaran produk pertanian dengan mengadakan kempen dan iklan.
--	---	---	---

B. Menulis

Petikan di atas tentang kebaikan berbudi kepada tanah.

Kita hendaklah membersihkan tanah yang terbiar supaya dapat ditanam dengan tanaman yang berfaedah. Oleh itu, tanah itu dapat diusahakan dengan baiknya. Selain itu, kita

hendaklah mengutamakan keselamatan semasa berkebun untuk menjaga keselamatan kita. Seterusnya, kita haruslah menyiram dan membubuh baja pada sayur-sayuran pada setiap hari supaya sayur-sayuran itu tumbuh dengan subur. Selain itu, kita mestilah memetik sayur-sayuran dengan berhati-hati agar sayur-sayuran itu tidak rosak dan dapat dijual dengan harga yang tinggi.

Kesimpulannya, tanah yang terbiar perlulah diusahakan agar dapat mendatangkan faedah kepada kita.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Pokok-pokok yang Pernah Ditanam

1. Menanam pokok buah-buahan seperti mangga, rambutan, nangka, ciku, dan betik di sekeliling kawasan rumah
2. Menanam sayur-sayuran seperti kacang panjang, petola, kacang bendi, kangkung, dan bayam di belakang rumah
3. Menanam ulam-ulaman di kawasan rumah
4. Menanam tumbuhan herba di kawasan rumah

Tujuan Menanam Pokok-pokok

1. Menghijaukan kawasan rumah
2. Memanfaatkan kawasan yang ada dengan berfaedah
3. Mendapatkan sayur-sayuran dan buah-buahan segar
4. Menjimatkan perbelanjaan kerana tidak perlu membeli sayur-sayuran
5. Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah

MODUL PP PRAKTIS UPSR 10

A. Sistem Bahasa

Praktis 1

1. A
2. D
3. C
4. D
5. C
6. B

Praktis 2

1. ke
2. daripada
3. tentang
4. pada

Praktis 3

1. dan ✓
2. bahawa ✓

Praktis 4

1. Tumbuh dengan suburnya sayur-sayuran di kebun Mak Long Semah.
2. Dibersihkan oleh pekerja Pak Abas pada setiap hari kandang kambing itu.
3. Mengikuti kursus menternak burung puguh di Kuala Selangor Abang Syamil.
4. Berasa gembira kerana menerima bantuan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pak Abas.

B. Pernahaman

- (a) (i) perap ikan dengan beras yang digoreng
(ii) simpan ikan di dalam tong yang bertutup beberapa hari

- (b) Tong yang digunakan untuk menyimpan ikan pekasam itu perlu ditutup supaya lalat tidak hinggap pada ikan pekasam tersebut kerana ulat akan membikai dengan cepatnya apabila ikan pekasam dihinggapi lalat.
- (c) Pada pendapat saya, ramuan yang perlu dimasukkan semasa menggoreng ikan pekasam untuk menyedapkan ikan pekasam tersebut ialah kita boleh memasukkan cili supaya ikan pekasam itu lebih pedas atau memasukkan daun limau purut untuk menambahkan aromanya.

C. Penulisan

Pak Abu pekebun sayur. Pak Abu bangun awal pada setiap hari. Selepas mengambil bekal yang disediakan oleh isterinya, Pak Abu memakai topi keledar. Pak Abu menunggang motosikal ke kebun sayurnya.

Setelah sampai di kebunnya, Pak Abu membuka pintu stor. Pak Abu mengambil alatan untuk bercucuk tanam. Pak Abu mengambil cangkul, penyiram, pongkes, dan sebagainya.

Seterusnya, Pak Abu membuat batas di lot yang baharu. Pak Abu menanam pelbagai jenis sayur seperti kangkung, bayam, kacang panjang, dan serai. Pak Abu memasang jaring hitam supaya anak benih sayurnya tidak mati kerana kepanasan.

Selepas itu, Pak Abu merumput dan membaja sayur-sayurnya supaya sayur-sayurnya hidup dengan subur. Pak Abu menggunakan racun perosak yang mesra alam untuk menghapuskan ulat atau serangga yang mengganggu atau merosakkan sayuran di kebun sayurnya.

Pak Abu memetik sayur-sayuran yang telah matang. Pak Abu memasukkan sayur-sayuran itu ke dalam bakul mengikut gred. Pak Abu menjual sayur-sayuran itu kepada peraih yang datang ke kebunnya.

Menjelang petang, Pak Abu pulang ke rumah. Hasil jualan sayurnya digunakan oleh Pak Abu untuk menyara kehidupan keluarganya. Pak Abu berasa gembira kerana dapat berbudi kepada tanah.

UNIT 31: Bersama-sama Menjanakan Ekonomi MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Menulis


Encik Mokhtar mempunyai sebuah kedai kasut. Nama kedai beliau ialah Kedai Kasut Mokhtar. Kedai kasut beliau besar dan popular. Setiap hari, banyak pelanggan datang ke kedai beliau untuk membeli kasut. Perniagaan Encik Mokhtar sangat maju.

Kira-kira dua puluh tahun yang lalu, kehidupan Encik Mokhtar amat berbeza. Beliau hanyalah seorang tukang kasut di kaki lima kedai. Namun begitu, beliau sangat gigih bekerja. Beliau sentiasa berusaha untuk memajukan diri.

Encik Mokhtar bercita-cita mahu membuka kedai kasutnya sendiri. Oleh itu, beliau menyimpan wang untuk dijadikan modal. Bak kata peribahasa, sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit. Setelah wang simpanannya mencukupi, Encik Mokhtar pun membuka sebuah kedai kasut yang kecil.

Kini, Encik Mokhtar sudah berjaya. Hidupnya tidak susah lagi. Impian beliau untuk menjadi ahli perniagaan yang berjaya telah terlaksana.

AKTIVITI PAK-21: Peta Minda (Mind Map) Cadangan Jawapan



B. Seni Bahasa

Burung kakaktua ♪

Terbang di angkasa ♪

Mari ikut saya ♪

Belajar bermiaga. ♪

Letchum, letchum, letchum o... la... la (3 kali)

Belajar bermiaga

Burung kakaktua ♪

Makan buah nangka ♪

Jangan putus asa ♪

Kita akan berjaya ♪

Letchum, letchum, letchum o... la... la (3 kali)

Belajar bermiaga

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Kita digalakkan mempunyai semangat keusahawanan kerana semangat ini akan mendorong kita untuk menjadi usahawan yang berjaya. Sebagai usahawan, kita mampu hidup berdikari tanpa terlalu bergantung kepada orang lain serta akan sentiasa bersemangat untuk meningkatkan ekonomi serta menjana pendapatan.

C. Tatabahasa

1. kehidupan
2. meneruskan
3. menghabiskan
4. ternampak
5. Titisan
6. kesilapan
7. berusaha
8. perniagaan
9. perubahan
10. terkenal

AKTIVITI PAK-21: Gelombang Pelayaran (Surf and Wave) Cadangan Jawapan

Tokoh Perniagaan yang Berjaya:

Nama: Tan Sri Anthony Francis Fernandes

Tarikh Lahir: 30 April 1964

Jawatan: Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia

Kejayaan: Menjadikan Syarikat Penerbangan Tambang Murah AirAsia sebagai sebuah syarikat penerbangan yang amat berjaya di dunia

UNIT 32 Berjiwa Usahawan

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Sambutan yang diterima daripada peminat barang antik amat menggalakkan. Banyak orang mahu membeli barang antik Encik Yusri dengan harga yang tinggi. Encik Yusri menjual sebahagian daripada barang antiknya dan beliau memperoleh keuntungan yang besar.

"Wah, untungnya!" jerit Encik Yusri. Beliau sungguh gembira kerana minatnya itu telah membuka pintu rezekinya. Situasi inilah yang dikatakan orang, tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Dengan menggunakan modal yang ada, beliau pun membuka kedai barang antik. Kini, beliau menjadi usahawan barang antik yang berjaya.

B. Membaca

Saya akan membuka perniagaan inap desa. Saya akan mendirikan sebuah rumah tradisional di tengah-tengah bendang itu. Sesiapa yang berminat untuk merasai pengalaman hidup di bendang bolehlah menyewa rumah tradisional itu. Selain itu, saya juga akan menyediakan pelbagai peralatan untuk disewa seperti layang-layang, joran, jala, sauk, dan sebagainya kepada para pelanggan.

C. Menulis

Yang dihormati Tuan Guru Besar, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Izinkan saya memberikan sepatuh dua kata bersempena dengan majlis perasmian program Karnival Keusahawanan.

Hadirin sekalian,

Program Karnival Keusahawanan ini merupakan usaha Kelab Usahawan Muda untuk memupuk semangat dan minat murid-murid terhadap bidang perniagaan. Sebagai Pengurus Kelab Usahawan Muda, saya berharap agar seluruh warga sekolah dapat memberikan sokongan dan kerjasama bagi menjayakan program ini.

Semangat kerjasama antara semua pihak amat penting bagi memastikan kejayaan program ini kerana muafakat membawa berkat.

Oleh sebab itu, marilah kita berganding bahu untuk menjayakan program ini agar semangat keusahawanan dapat disuburkan dalam diri murid-murid. Mudah-mudahan, program ini dapat membantu negara melahirkan lebih banyak usahawan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

UNIT 33: Kad dan Diriku

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

Nama Kad: Kad Murid Cemerlang

Fungsi: Kad ini diberikan kepada murid yang cemerlang dalam bidang akademik atau kokurikulum untuk membantu meningkatkan kecemerlangan mereka.

Keistimewaan: Kad ini membolehkan pemiliknya membeli barang persekolahan atau barang yang berkaitan dengan kemahirannya dengan harga yang lebih murah.

B. Menulis

- I. Encik Rosli menghubungi pihak bank kerana mahu mendapatkan kepastian tentang keselamatan akaunnya.

2. Kad kredit Encik Rosli akan disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan Encik Rosli akan menanggung kerugian yang besar sekiranya beliau memberikan nombor akaun dan nombor pin kad kreditnya kepada si pemanggil itu.

3. Pihak berkuasa dan pihak bank perlu menjalankan kempen keselamatan dengan lebih giat dan meluas melalui saluran media massa dan media sosial untuk menyedarkan masyarakat agar tidak mudah ditipu oleh sindiket penipuan.

C. Tatabahasa

1. Oleh **sebab itu**, banyak orang menggunakanku untuk tujuan berbelanja.
2. **Selain itu**, aku juga amat berguna disebabkan faktor keselamatan.
3. **Walau bagaimanapun**, para pemilikku perlu menggunakanku dengan bijaknya.
4. **Sebaliknya**, aku akan menjadi punca kepada masalah kewangan yang kronik.
5. **Sebenarnya**, aku tidak boleh dipersalahkan dalam hal ini.

MODUL PP PRAKTIS UPSR 11

A. Sistem Bahasa

Praktis 1

1. D
2. C
3. B
4. B
5. B
6. A

Praktis 2

- (i) seragam
- (ii) menurunkan
- (iii) Peraduan
- (iv) bernilai

Praktis 3

- (i) Selain itu ✓
- (ii) Sebaliknya ✓
- (iii) Lantaran itu ✓
- (iv) Oleh sebab itu ✓

B. Pemahaman

1. D
2. A
3. C
4. C
5. A

C. Penulisan

Amalan menyimpan wang sangat penting. Amalan ini membawa faedah yang besar kepada kita. Kita dapat melakukan amalan ini dengan mudahnya jika kita mengikut panduan yang betul.

Sekiranya kita mahu menyimpan wang, mulakanlah dengan jumlah yang sedikit dahulu. Kita tidak perlu menunggu sehingga mempunyai wang yang banyak untuk memulakan amalan ini. Sebagai contoh, lebihan wang belanja kita walaupun sedikit, perlu disimpan di dalam tabung. Simpanan yang sedikit ini lama-lama akan menjadi banyak juga bak kata peribahasa, sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit.

Selain itu, kita juga perlulah menyediakan rekod perbelanjaan harian. Dengan menggunakan rekod ini, kita dapat mengurus kewangan kita dengan lebih baiknya. Kita dapat mengetahui cara wang kita dibelanjakan. Di samping itu, kita juga dapat mengelakkan masalah pembaziran dan kehilangan wang.

Seterusnya, sikap berjimat cermat perlu dipupuk dalam diri kita. Kita tidak boleh membelanjakan wang dengan sesuka hatinya. Sebaliknya, kita perlu menyimpan wang yang ada di dalam tabung atau dalam bank. Setelah simpanan kita banyak, barulah kita boleh menggunakan wang tersebut untuk keperluan kita.

Kita juga hendaklah menanamkan prinsip “berbelanja mengikut keperluan, bukan kehendak”. Hal ini bermaksud bahawa kita dilarang berbelanja mengikut hawa nafsu. Sikap boros membawa kesan yang negatif kepada kita dan akan merugikan diri sendiri.

Kesimpulannya, amalan menyimpan wang amat penting. Amalan ini perlu dilakukan sejak kecil, iaitu dari peringkat kanak-kanak lagi. Sikap positif lebih mudah dipupuk dalam diri kita jika dilakukan dari peringkat awal kerana melentur buluh biarlah waktu rebungnya.

AKTIVITI PAK-21: Perbincangan (*Discussion*)

Cadangan Jawapan:

Ciri-ciri Usahawan Berjaya

1. Rajin berusaha
2. Cekal dan bersemangat
3. Tidak mudah berputus asa
4. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi
5. Berani mencuba dan tidak takut akan kegagalan

KERTAS MODEL UPSR

PEMAHAMAN [011]

Bahagian A

1. C
2. B
3. A
4. D
5. C
6. A
7. D
8. B
9. D
10. C
11. A
12. B
13. C
14. D
15. D
16. A
17. D
18. D
19. B
20. D

Bahagian B

Soalan 21

- (a) (i) agar/supaya
 (ii) yang
 (iii) kerana
- (b) (i) mempersempahkan ✓
 (ii) memupuk ✓

- (c) Patik menjunjung titah, tuanku. Akan patik temankan tuanku bermain di taman.
 (d) (i) Di mana bumi dijipak, di situ langit dijunjung
 (ii) Seperti menatang minyak yang penuh

Soalan 22

(i)	Fahmi dan rakan-rakannya berlatih dengan gigihnya demi untuk kejayaan dalam perlawanan bola sepak itu.	x
(ii)	Pengunjung tertarik untuk berkunjung ke kawasan tanah tinggi itu kerana keindahan alam semula jadinya.	✓
(iii)	Segelintir penduduk-penduduk di kampung itu masih menanam padi secara tradisional.	x
(iv)	Gasing dan wau ialah permainan tradisional yang masih popular dalam kalangan masyarakat di negara kita.	✓
(v)	Pelbagai lauk-pauk tradisional yang enak disediakan di Mayang Sari Restoran pada setiap hari.	x

Soalan 23

- (i) Lantaran itu
- (ii) budi bahasa
- (iii) bahawa
- (iv) adalah

Soalan 24

- (a) (i) Campurkan buah mangga dengan cili dan garam
 (ii) Masukkan buah mangga ke dalam balang
- (b) Jeruk mangga itu perlu dicampur dengan cili dan garam supaya lebih sedap kerana ada rasa pedas dan masin.
- (c) Pada pendapat saya, tindakan yang perlu dilakukan oleh pengusaha jeruk mangga untuk memasarkan jeruk mangga yang dihasilkan oleh mereka ialah mereka perlu lebih kreatif dan berpandangan jauh untuk meluaskan pasaran jeruk mangga mereka. Selain itu, mereka juga perlu lebih kreatif dari aspek pembungkusan dan pemasaran agar dapat menarik perhatian pembeli untuk membeli jeruk mangga mereka.

Soalan 25

- (a) Bahan kering yang digunakan untuk membuat kompos ialah daun, reranting kecil, dan habuk kayu.
- (b) Jika tiada tinja ayam, tinja haiwan lain yang sesuai digunakan untuk menggantikannya ialah tinja lembu dan tinja kambing.
- (c) Kompos buatan sendiri ini dikatakan amat baik untuk pekebun sayur kerana dapat menjimatkan kos dan sayur-sayuran yang ditanam oleh mereka juga bebas daripada bahan kimia yang dapat menyebabkan pelbagai jenis penyakit.

KERTAS MODEL UPSR

PENULISAN [012]

Bahagian A

- I. Ibu bapa memegang tangan anak-anak mereka yang masih kecil supaya anak-anak tidak hilang daripada kawalan mereka ketika berada di dalam zoo.

2. Orang ramai yang hendak masuk ke dalam zoo beratur ketika membeli tiket sebelum masuk ke dalam zoo.
3. Seorang pekerja yang bertugas sebagai penjaga pintu masuk sedang memeriksa tiket pengunjung dengan cekapnya.
4. Beberapa orang pengunjung merakamkan gambar suasana dan haiwan yang jinak di zoo untuk dijadikan kenang-kenangan.
5. Beberapa orang pengunjung membeli tebu lalu memberikan tebu itu kepada tiga ekor gajah yang berada di dalam kandang.

Bahagian B

Gambar menunjukkan penjagaan dan keselamatan ubat yang perlu kita berikan perhatian.

Kita mestilah menyusun ubat-ubatan di dalam peti kecemasan agar kita mudah mencari ubat yang diperlukan semasa kecemasan. Seterusnya, kita haruslah menyimpan ubat di tempat yang tinggi agar kanak-kanak tidak dapat mengambilnya kerana pengambilan ubat orang dewasa oleh kanak-kanak adalah amat bahaya. Di samping itu, sebelum kita makan ubat tersebut, kita sewajarnya membaca label pada botol ubat agar tidak terlebih sukaat semasa mengambil ubat. Akhir sekali, kita perlu membeli ubat di farmasi setelah mendapatkan nasihat daripada doktor dan ahli farmasi untuk mendapatkan ubat yang tulen.

Kesimpulannya, kita hendaklah berhati-hati semasa mengambil ubat-ubatan agar pengambilannya tidak memudaratkan kesihatan serta tidak membahayakan kita.

Bahagian C

Soalan 1

Pada 18 Ogos 2019, hari Ahad, Sekolah Kebangsaan Kuala Ketil telah mengadakan Program Hijaukan Kawasan Sekolah. Tujuan program itu diadakan adalah untuk mengindahkan kawasan sekolah dan menyegarkan udara di sekolah.

Pada hari itu, saya dan ibu bapa saya pergi ke sekolah pada pukul 7:00 pagi. Saya melihat banyak kawan saya yang datang ke sekolah bersama-sama ibu bapa masing-masing.

Selepas itu, saya dan peserta lain berkumpul di padang sekolah. Guru Besar, Puan Yuslinda memberikan taklimat tentang program tersebut. Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak PIBG terutamanya ibu bapa kerana menjayakan aktiviti ini. Kemudian, beliau mengagihkan tugas kepada para peserta.

Kelas saya dan murid tahun lima ditugaskan untuk membersihkan kawasan semak di belakang sekolah. Kami menggemburkan tanah itu. Seterusnya, kami menanam pelbagai jenis pokok seperti pokok pandan, pokok bunga kantan, dan pokok kari.

Selepas itu, saya membantu Cikgu Hashim membersihkan kolam ikan di tepi bangunan makmal komputer. Kolam itu

kami cuci supaya tiada nyamuk yang membiak di dalam kolam itu.

Menjelang tengah hari, saya dan semua peserta berjaya menyiapkan tugas yang diberikan. Kami berasa sangat gembira apabila melihat kawasan sekolah bersih dan cantik. Saya berharap agar udara di kawasan sekolah sentiasa segar.

Soalan 2

Laporan Program Minggu Bahasa Melayu

Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Lanai telah mengadakan program Minggu Bahasa Melayu peringkat sekolah dari 16 Julai 2019 hingga 20 Julai 2019. Semua murid sekolah ini terlibat dalam program Minggu Bahasa ini.

Tujuan program Minggu Bahasa ini diadakan adalah untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mencungkil bakat semula jadi dalam kalangan murid.

Bersempena dengan program Minggu Bahasa ini, Persatuan Bahasa Melayu telah mengadakan pelbagai pertandingan seperti pertandingan bercerita, syarahan, mendeklamasi sajak, dan kuiz.

Pada 16 Julai, Datin Saadiah binti Ahmad, Guru Besar sekolah ini telah merasmikan program ini. Semua murid tahap satu dan tahap dua mengambil bahagian dalam pertandingan yang diadakan itu.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada murid-murid. Setiap kelas menghantar wakil dalam pelbagai pertandingan yang diadakan. Suasana juga sangat meriah sepanjang pertandingan berlangsung.

Majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada 20 Julai. Guru Besar menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Murid-murid yang berjaya juga akan mewakili sekolah dalam pertandingan bercerita, syarahan, mendeklamasi sajak, dan kuiz pada peringkat zon nanti.

Pada keseluruhannya, program Minggu Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Lanai telah memberikan manfaat kepada murid-murid dan pihak sekolah.

Laporan disediakan oleh,

27 JULAI 2019.

Mohammad Israh

(Mohammad Israh bin Ariffin)
Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu,
Sekolah Kebangsaan Lanai.